

**Jilid II
Bil. 53**



**Hari Rabu
14hb November, 1984**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 7545]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

Ancaman Perpaduan Umat Islam dan Keselamatan Negara [Ruangan 7580]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1985—

Jawatankuasa:

Jadual—

Maksud B. 19 [Ruangan 7583]

Maksud B. 20 [Ruangan 7620]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1985—

Jawatankuasa:

Maksud P. 19 [Ruangan 7583]

Maksud P. 20 [Ruangan 7620]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).

„ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).

„ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

„ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).

„ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).

„ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).

„ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).

„ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).

„ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).

„ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).

„ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).

„ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).

„ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

„ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

„ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

„ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

„ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).

„ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).

„ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

„ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).

„ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok)

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).

- Yang Berhormat TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K., (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).

- Yang Berhormat TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 14hb November, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

MAJALAH "ISLAM TODAY"

1. **Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Pelajaran menerangkan benarkah Pertubuhan Pendidikan Sains dan Kebudayaan Islam (ISESCO) akan menyediakan suatu rencana mengenai Malaysia untuk dimuatkan di dalam majalah bulanannya "Islam Today" sebagai usaha memperkenalkan negara ini kepada negara-negara Islam dan Arab seluruh dunia, jika benar:

- (a) siapakah yang akan menentukan setiap rencana yang dimuatkan di dalam majalah itu tidak bertentangan dengan kepentingan negara, bangsa dan agama; dan
- (b) adakah berita-berita atau rencana-rencana itu akan ditulis oleh penulis-penulis tempatan atau sebaliknya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit latar belakang mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut. Sebenarnya baharu-baharu ini satu rombongan

dari Bahagian Pelajaran, Pertubuhan ISESCO iaitu dengan izin, "Islamic Educational Scientific and Cultural Organisation" yang diketuai oleh Dr Ali Al Qasimi, Pengarah Bahagian tersebut telah melawat ke Malaysia untuk menjalankan satu kursus intensif Bahasa Arab di Pusat Bahasa Arab, Nilam Puri, Kelantan. Kursus itu telah diadakan dari 1hb hingga 30hb Ogos 1984 lalu.

Rombongan dari ISESCO itu sangat tertarik dengan perkembangan agama Islam dan sosio ekonomi negara kita ini. Oleh itu Dr Ali Al Qasimi dan rombongannya telah bercadang untuk memperkenalkan negara Malaysia kepada negara-negara Islam dan Arab seluruh dunia melalui rencana-rencana di dalam majalah ISESCO yang bernama "Islam Today".

Rencana-rencana itu akan ditulis oleh penulis-penulis yang ditentukan oleh ISESCO sendiri. Oleh kerana Kementerian Pelajaran ada hubungan rapat dengan ISESCO insya Allah berita dan rencana-rencana itu tidak akan bertentangan dengan kepentingan negara, bangsa dan agama.

IMBANGAN PERDAGANGAN

2. **Dato' Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) Daftar negara-negara yang menjadi rakan perdagangan yang seimbang dan jumlah perdagangannya (import-eksport); dan

(b) Daftar negara-negara yang menjadi rakan perdagangan yang tidak seimbang dan jumlah perdagangannya hingga Disember, 1983.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, dalam Perdagangan antarabangsa terutamanya di negara-negara yang mengamalkan perdagangan bebas seperti Malaysia adalah amat jarang sekali berlakunya keadaan di mana imbalan perdagangan dengan sesebuah rakan perdagangan adalah seimbang. Oleh itu, saya berpendapat apa yang ingin diketahui oleh Ahli Yang Berhormat mungkin ialah daftar negara-negara di mana kita mengalami lebihan perdagangan serta jumlah perdagangannya dan daftar negara-negara di mana kita mengalami kekurangan perdagangan serta jumlah perdagangannya bagi tahun 1983.

Jika demikian maka daftar-daftar tersebut telah pun saya sediakan dan saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua, kerana senarai itu panjang untuk mengemukakan kepada Yang Berhormat selepas daripada sambungan kepada jawapan ini.

Memadailah saya nyatakan bahawa dalam tahun 1983 Malaysia telah memperolehi lebihan perdagangan sebanyak \$2,107.2 juta di mana import adalah berjumlah \$30,721.1 juta dan export berjumlah \$32,828.3 juta. Rakan-rakan perdagangan utama di mana kita mengalami kekurangan perdagangan termasuklah Jepun, Saudi Arabia, Australia, Amerika Syarikat, German Barat, Perancis, China, Sweden, United Kingdom dan New Zealand. Manakala rakan-rakan perdagangan utama di mana kita memperolehi lebihan perdagangan termasuklah Singapura, Belanda, Korea Selatan, Russia, India, Thailand, Pakistan, Sri Lanka, Hong Kong dan Brunei.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu berhubung dengan perdagangan Malaysia dengan negara-negara EEC. Bagaimanakah kedudukan eskport tekstil daripada negara kita ke negara-negara tersebut. Adakah satu-satu dasar tarif yang digunakan oleh EEC untuk menyekat ataupun tidak menggalakkan eksport tekstil daripada negara kita kepada EEC dan adakah dasar yang macam ini akan diteruskan ataupun akan ditingkatkan lagi?

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, tidakkah boleh kita mengadakan semacam kerjasama di antara negara-negara ASEAN di dalam kita berniaga di pasaran antarabangsa supaya usaha ini bukan sahaja mendatangkan faedah kepada ASEAN keseluruhannya tetapi khusus juga kepada negara kita?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dari segi tekstil pengeluaran-pengeluar atau pengeksport-pengeksport tekstil Malaysia ke negara-negara EEC masih lagi belum memenuhi ataupun menggunakan sepenuhnya kuota yang telah pun ditetapkan oleh pihak negara-negara anggota EEC oleh sebab sebahagian besar daripada pasaran barangan eksport tekstil kita telah pun dibuat dengan Amerika Syarikat. Oleh sebab itu, walaupun mereka ini mempunyai tarif tetapi kadar kuota yang diberikan kepada pengeluar Malaysia masih lagi ada dan justeru itu saya berpendapat adalah amat baik bagi pihak pengeksport tekstil Malaysia bukan sahaja menumpukan pasaran barangan tekstil mereka ke negara-negara seperti Amerika Syarikat tetapi mengambil kesempatan kepada kuota yang masih banyak belum digunakan untuk memasarkan barangan tekstil ke negara tersebut.

Selain daripada itu memanglah usaha untuk meningkatkan perdagangan dan juga pelaburan sentiasa dijalankan dalam dua peringkat iaitu peringkat pertama di mana kita mengambil langkah-langkah secara bilateral iaitu perdagangan dua hala di antara Malaysia dengan negara-negara EEC ataupun negara-negara yang lain dan perundingan-perundingan diadakan dengan pihak mereka itu secara bilateral.

Di samping itu, kita menyedari tentang kekuatan yang wujud di dalam gabungan negara wilayah ASEAN. Sebab itu umpamanya dengan negara-negara EEC dan juga Jepun serta Amerika Syarikat kita menggunakan platform ASEAN dalam perundingan-perundingan itu untuk mendapatkan lebih banyak lagi sokongan daripada negara-negara tersebut bagi membolehkan barang-barang eksport kita menembusi pasaran tersebut dan usaha ini telah pun dijalankan dan saya percaya ia akan dipertingkatkan untuk masa-masa ke hadapan.

Tuan Yew Foo Weng: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan memandangkan kejatuhan perdagangan sedunia ataupun (drop in global trade), dengan izin, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apa kesannya atas pertumbuhan perdagangan antarabangsa bagi negara kita pada tahun yang akan datang.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat keadaan kemelesetan ekonomi dan kejatuhan dari segi perdagangan di peringkat antarabangsa kita mendapati bahawa kesan-kesan ini memang dirasakan oleh negara kita beberapa tahun yang lepas. Namun demikian usaha-usaha telah pun kita ambil untuk meningkatkan pasaran barangan kita di peringkat antarabangsa dan oleh

sebab itu dalam jawapan saya tadi telah pun menjelaskan umpamanya bagi tahun 1983 kita telah pun memperolehi lebih dagangan hampir sebanyak \$2,107 juta dan bagi tahun 1984 ini sahaja kita menganggarkan Malaysia akan memperolehi lebih dagangan sebanyak \$4,000 juta. Bermakna walaupun kesan kemelesetan (recession) itu dirasakan tetapi usaha-usaha yang dijalankan setakat ini adalah boleh dianggap berkesan dan kita telah dapat meningkatkan hasil pengeluaran kita untuk diekspor ke negara-negara tersebut.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan. Oleh kerana di antara rakan dagangan Malaysia sekarang ini ialah Republic Islam Iran yang baru sahaja Yang Berhormat sendiri melawat di sana maka soalan yang saya hendak tahu iaitu mengenai dengan saranan Iran supaya diadakan Pasaran Islam Bersama sepertimana EEC, adakah pihak Kerajaan kita membuat kajian mengenai ini.

Kedua, mengenai perimbangan perdagangan di antara Iran dengan kita mana satu yang untung dan mana satu yang rugi dan apakah tindakan yang dapat diambil.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti sama ada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi telah pun dikemukakan secara rasmi oleh pihak Iran kepada Malaysia ataupun negara-negara Islam yang lain untuk mewujudkan Pasaran Islam Bersama. Setakat ini secara rasminya kita belum terima cadangan seperti itu.

Kedua, tentang hubungan perdagangan kita dengan Iran memanglah dianggap baik dan usaha telah pun dibuat untuk meningkatkan perdagangan itu. Namun demikian, pada tahun yang lepas dan beberapa

tahun kecuali tahun 1981 kita menghadapi kekurangan dari segi perimbangan dagangan dengan negeri Iran. Sebab itu rombongan perdagangan yang telah pun saya ketua beberapa minggu yang lepas telah pun berusaha untuk meningkatkan perdagangan dengan negara tersebut.

BERNAMA—PERLETAKAN JAWATAN PEMBERITA

3. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri minta Menteri Penerangan menyatakan sebab mengapa BERNAMA telah kehilangan beberapa orang pemberita yang terlatih melalui perletakan jawatan. Adakah gaji-gaji dan insentif yang diberikan oleh BERNAMA tidak menarik bagi mereka untuk terus berkhidmat dengan BERNAMA.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, kehilangan kakitangan bagi sesebuah pertubuhan bukanlah satu perkara yang luar biasa lebih-lebih lagi bagi kaum wartawan di mana mobility mereka adalah amat ketara sekali. Pada umumnya di Malaysia kaum wartawan banyak sekali berpindah tempat kerja. Sebab utamanya ialah penulis dan wartawan yang baik sentiasa dikehendaki lebih-lebih lagi mereka yang boleh menguasai dua bahasa, bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris seperti wartawan di BERNAMA.

Mereka ini diperlukan bukan sahaja oleh akhbar-akhbar atau pertubuhan-pertubuhan media massa bahkan juga oleh firma-firma yang mengambil wartawan untuk menjadi Pegawai Perhubungan. Mana-mana pertubuhan yang memerlukan mereka ini sanggup memberi tawaran yang amat menarik sekali kadangkala

berganda daripada pendapatan mereka di BERNAMA.

Pertubuhan-pertubuhan asing yang mengambil wartawan daripada BERNAMA bukan sahaja boleh memberi tawaran pendapatan yang lebih baik bahkan juga prospek yang lebih cerah kepada mereka itu.

Skim perkhidmatan di BERNAMA adalah tertakluk kepada Laporan Jawatankuasa Kabinet dan BERNAMA sebagai suatu pertubuhan tertutup (closed service), dengan izin, sememangnya tidak dapat memberi insentif yang lebih menarik kepada wartawan-wartawan berbanding dengan pihak-pihak yang lain.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa ramaikah sekarang kakitangan BERNAMA dan bilakah bangunan BERNAMA yang begitu hebat akan dirasmikan. Ketiga, apakah BERNAMA mempunyai wakil-wakilnya di kota-kota negara besar dalam dunia ini umpamanya di New York, di England dan negara-negara besar yang lain.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kakitangan yang ada pada hari ini ialah 158 orang dan berhubung dengan perasmian, tunggulah dahulu Yang Berhormat. Berkaitan dengan wakil-wakil di luar negeri, sukalah saya menyatakan bahawa mulai bulan Mei tahun 1984 Kerajaan telah membuat keputusan di mana BERNAMA menjadi agensi tunggal untuk mengedar berita-berita dari agensi-agensi berita antarabangsa kepada pelanggan-pelanggan Malaysia. Ini tidak bererti bahawa tidak perlu bagi kita pada hari ini mempunyai wakil-wakil di negara-negara yang tersebut.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan untuk menarikkkan lagi perkhidmatan dalam BERNAMA ini serta meluaskan lagi pengetahuan di dalam kewartawanan, apakah pihak BERNAMA telah menghantar wartawan-wartawan ini untuk berkursus atau mengambil latihan di luar-luar negeri dan apakah pihak Kementerian ini mengadakan ikatan perjanjian supaya mereka itu tidak akan lari daripada BERNAMA.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kursus, sukacitalah saya nyatakan bahawa pihak BERNAMA sentiasa menghantar wartawan-wartawannya mengambil kursus yang bermacam-macam di luar negeri dan durasi kursus itu adalah berbeza, kadangkala sebulan, dua bulan, tiga bulan dan setahun pun ada. Oleh sebab durasi kursus itu begitu singkat, sebulan atau tiga bulan umpamanya, maka difikirkan bahawa agak sukar bagi kita untuk mengikat perjanjian.

Walau bagaimana sekali pun, sukalah saya nyatakan jikalau perjanjian itu diikat, ini bukan bermakna bahawa kita akan mendapat satu perkhidmatan yang jujur daripada mereka.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar oleh sebab kekurangan kakitangan BERNAMA di Sabah telah mengakibatkan kurang sekali laporan ataupun liputan berkenaan dengan Sabah dibuat oleh BERNAMA.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan bahawa liputan yang dibuat oleh BERNAMA tidak pernah kurang.

HOSPITAL/PUSAT KESIHATAN—MUTU PERKHIDMATAN

4. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(a) apakah langkah-langkah berkesan yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi meninggikan mutu khidmat di Hospital-hospital dan pusat-pusat Kesihatan bagi mengurangkan kejadian-kejadian buruk akibat kecuiaan kakitangan-kakitangannya di dalam menjalankan tugas melayan pesakit-pesakit; dan

(b) nyatakan berapa banyak kes-kes akibat kecuiaan tersebut yang telah dibawa ke mahkamah dalam tempoh tahun 1982-1984. Dan berikan contoh-contoh kes tersebut.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah memberitahu Yang Berhormat bahawa kedatangan pesakit-pesakit luar dan kemasukan pesakit ke dalam hospital-hospital Kerajaan dari tahun 1982 sehingga bulan Ogos, 1984 adalah lebih daripada 53 juta orang. Dalam tempoh masa ini terdapat sejumlah 11 kes di mana tindakan sivil telah diambil terhadap Kerajaan atas tuduhan kecuiaan kakitangan-kakitangan hospital.

Walaupun bilangan kes-kes yang dibawa ke mahkamah adalah kecil, Kementerian saya memandang berat ke atas kejadian-kejadian itu dan telah mengambil beberapa langkah seperti berikut untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi mutu perkhidmatan di hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan Kerajaan

dengan tujuan mengelakkan kejadian-kejadian seperti itu:

- (1) beberapa garis-garis panduan dan peraturan-peraturan terperinci yang berkaitan dengan pengurusan pesakit-pesakit telah disediakan oleh Kementerian dan diedarkan kepada semua pihak di hospital dan Pusat-pusat Kesihatan untuk dipatuhi oleh semua kakitangan yang berkenaan.
- (2) Langkah-langkah juga telah diambil untuk memastikan bahawa pengawasan yang mencukupi dan berkesan diberi oleh pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang lebih kanan dan berpengalaman ke atas pegawai-pegawai/kakitangan-kakitangan yang lebih muda, mengenai pengurusan pesakit.
- (3) Kemudahan-kemudahan fizikal sentiasa diperbaiki di hospital-hospital setiap tahun dan hospital-hospital dilengkapi dengan alat-alat kelengkapan yang mencukupi dan moden secara berterusan dengan peruntukan kewangan yang sedia ada.
- (4) Beberapa langkah telah diambil untuk meningkatkan lagi taraf kemahiran doktor-doktor muda dengan mengadakan kursus-kursus / seminar-seminar / bengkel-bengkel dan sebagainya. Selain daripada itu, pengawasan klinikal di hospital-hospital daerah yang tidak mempunyai perkhidmatan pakar telah ditambahkan dengan lawatan yang (dengan izin) "regular" oleh pakar-pakar ke hospital-hospital daerah berkenaan.
- (5) Setiap aduan yang diterima adalah disiasat dengan terperinci untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan dan

tindakan-tindakan telah diambil untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut.

- (6) Pegawai-pegawai perubatan yang berpengalaman dan juga pakar-pakar doktor adalah sangat perlu bagi meninggikan mutu khidmat di hospital-hospital dan pusat-pusat yang lain. Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah untuk mengekalkan doktor yang berpengalaman dan pakar-pakar ini di dalam perkhidmatan Kerajaan.

Mengenai angka-angka yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat, tindakan-tindakan sivil terhadap Kerajaan adalah seperti berikut:

1982	5 kes
1983	2 ,,
1984	sehingga 31hb	4 ,,
Ogos, 1984		
	Jumlah ..	<u>11 kes</u>

Tindakan-tindakan sivil ini adalah mengenai tuduhan-tuduhan berkaitan dengan rawatan dan pengurusan pesakit yang tidak memuaskan dan sesuai.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan hasrat Kementerian berkenaan untuk meninggikan mutu khidmat di hospital-hospital, suka saya mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, tentang apakah tindakan yang telah diambil untuk membaiki keadaan di unit-unit kecemasan di tiap-tiap hospital, dari segi untuk memberi kemudahan yang lengkap untuk mengendalikan kes-kes kecemasan?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kami di Kementerian sedar bahawa unit-unit kecemasan ini adalah

sangat penting dalam pengurusan pesakit-pesakit dan kita telah memberi keutamaan yang tinggi untuk mengemaskinikan, melengkapkan dan memperbaiki lagi perkhidmatan di unit-unit kecemasan dengan menempatkan lebih ramai lagi doktor dengan pengawasan daripada doktor-doktor kanan, memperbaiki sistem penerimaan pesakit yang cedera atau sakit teruk yang dibawa ke unit-unit itu dan juga menambahkan di unit-unit kecemasan itu beberapa katil untuk merawat pesakit-pesakit itu secara segera seperti yang perlu. Kita dapatlah melihat kemajuan ini, sebagai satu daripada contohnya, di Hospital Besar Kuala Lumpur.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri Kesihatan tadi bahawa ada beberapa garis panduan, tetapi adakah Timbalan Menteri Kesihatan sedar bahawa di dalam sesebuah hospital itu ada peringkat-peringkat jawatan tertentu dari Atendan, Amah, Pembantu Hospital, Jururawat dan juga doktor, mereka itu tidak bekerjasama dalam menjalankan kerja-kerjanya sendiri, tidak mahu saling faham memahami bahawa kerja-kerja yang dilaksanakan. Itu adalah satu daripada sebab menjatuhkan mutu kerja hospital itu?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kami di Kementerian sentiasa menegaskan bahawa pengurusan pesakit adalah satu tugas pasukan di antara doktor, pegawai para medic termasuk juga kakitangan yang lain, dan saya rasa tidak ada banyak aduan yang diterima bahawa kerjasama dalam pasukan-pasukan itu tidak memuaskan. Kita sentiasa akan cuba menegaskan perkara ini dan mempertingkatkan kerjasama itu.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang

Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa terdapat prestasi setengah-setengah pegawai perubatan, segelintir pegawai perubatan iaitu doktor yang tidak meyakinkan orang ramai sehingga ada kalangan pesakit menggelarkan doktor perubatan itu sebagai "Doktor Panadol" sahaja, kerana apa juga jenis sakit diberi ubat Panadol sahaja. Jadi adakah Kementerian membuat sebarang kajian kepada prestasi setengah-setengah pegawai perubatan ataupun pegawai yang terlibat di dalam perkhidmatan perubatan itu untuk menilai semula di atas prestasi mereka daripada semasa ke semasa oleh kerana mereka itu mungkin jadi lembam dari segi perkhidmatan mereka?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah seorang doktor untuk menentukan apakah ubat yang harus diberikan kepada seseorang pesakit yang datang ke hospital. Kita terpaksa bergantung kepada doktor yang mempunyai latihan penuh dalam perkara ini.

Mengenai doktor yang dikatakan "Doktor Panadol", kami di Kementerian tidak dapat mengesan mana-mana klinik di mana hanya Panadol diberikan kepada pesakit. Banyak jenis ubat-ubat yang dibekalkan, tetapi mungkin terdapat banyak kes di mana Panadol sahaja cukup untuk rawatan.

INDUSTRI KECIL LUAR BANDAR

5. **Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kerajaan telah mengambil kira perkara-perkara berikut dalam usaha untuk mengembangkan industri-industri kecil luar bandar. Perkara-perkara ini adalah dikira sebagai

penghalang kepada perkembangan industri kecil luar bandar:

- (a) syarat-syarat guna tanah;
- (b) syarat perlesenan dan percukaian yang tidak seragam;
- (c) syarat mutu kawalan alam sekitar yang perlu;
- (d) kos tenaga dan pengangkutan yang tinggi;
- (e) masalah pemilikan sumber-sumber tempatan oleh bakal pengusaha; dan
- (f) masalah kekurangan pelaburan tempatan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk mengembangkan industri-industri kecil luar bandar, Kerajaan memanglah mengambilkira unsur-unsur yang akan memberikan kemudahan kepada pengusaha-melaksanakan projek masing-masing. Kerana itulah berbagai rancangan telah diatur oleh Kerajaan untuk membantu pengusaha-pengusaha kecil. Program atau rancangan ini disusun berdasarkan kepada keperluan mengatasi masalah:

- (1) Modal.
- (2) Teknikal dan teknologi.
- (3) Pengurusan.
- (4) Pasaran.
- (5) Latihan.
- (6) Tapak-tapak Industri.
- (7) Dasar-dasar fiskal dan bukan fiskal.

Kerajaan memanglah menyedari perkara-perkara yang menghalang kelincinan pembangunan industri di luar bandar sebagaimana yang disenaraikan oleh Ahli Yang

Berhormat itu. Untuk mengatasinya, usaha-usaha telah pun dilakukan supaya pelaksanaan perusahaan-perusahaan kecil, terutamanya di luar bandar dapat berjalan dengan jayanya.

Sementara itu dengan galakan-galakan dan bantuan-bantuan dan bimbingan-bimbingan yang diberikan oleh Kerajaan, diharapkan industri-industri kecil di luar bandar akan terus berkembang.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, jika Yang Berhormat Timbalan Menteri ada angka-angkanya, saya mohon beliau menjelaskan berapakah setakat ini bilangan industri-industri kecil luar bandar yang telah dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan apakah bentuk-bentuknya serta adakah kesemua industri kecil luar bandar itu dapat bantuan modal daripada Kementerian?

Yang kedua, apakah bezanya di antara industri kecil kampung yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, berbanding dengan industri kecil kampung anjuran Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, kerana perkara ini orang-orang kampung selalu keliru.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya berkenaan dengan jumlah industri kecil yang telah pun dibantu ataupun disokong oleh pihak Kementerian, saya ingin menjelaskan pada peringkat awal bahawa usaha yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pada segi penggalakkan industri kecil baru bermula agak lebih kurang setahun yang lepas. Walaupun begitu, kita telah pun mengambil langkah-langkah yang boleh dikatakan meluas untuk

menambahkan sebilangan industri-industri kecil dapat telah dijalankan di seluruh negara dengan pertamanya mengadakan beberapa projek rintisan seperti di Pengkalan Chepa, Kelantan sebanyak 26 buah industri kecil telah pun dibina. Projek yang sama juga akan dilaksanakan di Pahang iaitu di Jengka dan beberapa buah negeri yang lain berdasarkan kepada kemudahan tapak tanah yang disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri. Oleh sebab itu angka yang sebenarnya dari segi jumlah itu sebagaimana yang saya sebutkan tadi tidaklah dapat saya sebutkan di sini.

Keduanya, berkenaan bentuk industri kecil yang dijalankan oleh pihak Kementerian, apa yang diusahakan oleh pihak Kementerian sekarang ini ialah untuk memberikan galakan-galakan dari segi pertubuhan industri-industri empat-sektor industri, iaitu:

- (1) Industri yang berasaskan kayu dan berasaskan rotan.
- (2) Industri berasaskan logam.
- (3) Industri berasaskan makanan.
- (4) Industri berasaskan bahan-bahan binaan.

Perkara ini yang sedang pun diberikan penekanan oleh pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan langkah-langkah sedang dijalankan untuk memastikan supaya lebih ramai masyarakat kita terutama di luar bandar melibatkan diri dalam program industri kecil sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Ketiganya, dari segi soal modal, pihak Kementerian setakat ini tidak ada menganjurkan ataupun menyediakan satu tabungan untuk memberi pinjaman kepada mana-mana pengusaha kecil. Peruntukan yang kita perolehi ialah bagi membantu pembinaan, penyediaan infrastruktur bagi kawasan industri

kecil, umpamanya dengan usaha sama yang dijalankan pihak Bank Pembangunan, dan akan datang mungkin dengan pihak MARA, pihak Kementerian akan mengeluarkan sedikit peruntukan sebagai geran pelancaran bagi membolehkan agensi-agensi yang berkenaan menjalankan projek-projek industri kecil itu.

Di samping itu kita juga mengadakan perhubungan yang rapat dan erat dengan institusi kewangan, bank-bank perdagangan, menggesa mereka supaya memberikan kemudahan-kemudahan pinjaman kepada mereka-mereka yang difikirkan layak berdasarkan beberapa kriteria yang telah pun ditegaskan oleh pihak Kementerian sendiri. Dan di samping itu tindakan telah pun diambil oleh pihak Bank Negara umpamanya untuk memastikan pihak bank-bank tempatan mematuhi beberapa saranan ataupun peraturan-peraturan yang ditentukan oleh Bank Negara untuk mengenakan syarat supaya institusi kewangan memberikan sebahagian peruntukan mereka itu untuk pinjaman kepada sektor perusahaan kecil.

Akhir sekali, berkenaan perbezaan di antara langkah yang diambil oleh pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dengan pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, sebagaimana yang telah pun saya jelaskan di peringkat awal tadi bahawa usaha yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ialah penggalakkan dalam beberapa sektor industri kecil yang telah pun saya sebutkan pada peringkat awal tetapi tidak melibatkan secara aktif dalam program itu. Sedangkan apa usaha yang telah pun dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah lebih merupakan usaha penggalakkan pertumbuhan dan juga pembinaan projek-projek kecil industri di luar bandar yang

berasaskan hasil kraftangan dan juga sedikit daripadanya adalah untuk industri yang berasaskan makanan.

Kita telah pun mengadakan perbincangan dengan pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk mengelakkan daripada kerja yang bertindih dan ini telah pun dijalankan dan penjelasan saya fikir telah pun dapat dibuat setakat ini.

JALANRAYA UTARA/SELATAN— KOS PENYELENGGARAAN

6. Dato Dr Hee Tien Lai minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) bilakah berbagai bahagian Lebuhraya Utara-Selatan akan disempurnakan;
- (b) berapa banyak peruntukan belanjawan bagi Kementeriannya telah digunakan untuk maksud pembaikan jalanraya yang luas dan baru; dan

	<i>1983 dan 1984</i>
(a) Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban	\$17 juta
(b) Lebuhraya Timur/Barat	\$18 juta
(c) Lebuhraya Kuantan/Segamat	\$1.2 juta
(d) Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak	\$500,000
(e) Lebuhraya Jerengau/Jabor	\$1.8 juta

Mengenai rasa tidak puas hati orang ramai terhadap setengah-setengah lebuhraya, saya suka menegaskan bahawa di masa-masa hadapan, pembinaan lebuhraya-lebuhraya yang baru akan dilaksanakan dengan taraf yang tinggi. Ia juga akan diselenggarakan dengan baik bagi mengekalkan keadaannya. Selain daripada itu, Kementerian saya juga akan melantik pakar perunding bagi menjalankan satu kajian iaitu kajian beban ganda atau, dengan izin, "axle load survey and study", yang dijangka akan dimulakan pada tahun hadapan. Tujuan utama kajian yang akan

- (c) adakah beliau sedar bahawa orang ramai sungguh tidak senang hati dengan keadaan lebuhraya-lebuhraya yang baru. Jika sedar, apakah tindakan akan diambil untuk memastikan supaya pembinaan dan penyelenggaraan jalan pada masa hadapan mencapai taraf yang dikehendaki.

Menteri Kerjaraya (Dato S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan mengenai bilakah berbagai bahagian Lebuhraya Utara-Selatan akan disempurnakan telah pun saya jawab di Dewan yang mulia ini pada hari semalam.

Mengenai berapa banyak peruntukan yang telah digunakan untuk maksud pembaikan jalan yang luas dan baru, ia adalah seperti berikut:

dijalankan oleh pakar perunding ini adalah seperti berikut:

Bagi jalan-jalan yang sedia ada, kajian ini akan mengenal pasti punca-punca kerosakan teknikal yang telah berlaku dari segi beban ganda iaitu "axle loading" kenderaan-kenderaan berat yang menggunakan jalanraya-jalanraya tersebut. Kajian ini juga akan mengkaji keadaan tanah, geoteknik jalanraya itu, cara pembinaannya dan juga kajian ke atas bahan yang digunakan di dalam pembinaan jalanraya itu.

Selain daripada itu kajian ini juga akan mengenal pasti jalan-jalan yang tidak berupaya menampung keperluan beban ganda kenderaan-kenderaan yang menggunakannya dan seterusnya mengemukakan syor-syor dan cara-cara memperkuat jalanraya-jalanraya tersebut ke taraf-taraf yang mampu menampung keperluan bahan ganda.

Bagi jalanraya-jalanraya baru pula, kajian ini akan mengemukakan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengelakan berlakunya kerosakan. Reka bentuk jalanraya di masa hadapan akan dibuat mengikut keperluan beban kerja bagi jalanraya baru yang dicadangkan itu.

Adalah diharap dengan langkah-langkah yang sedemikian masalah kerosakan jalanraya-jalanraya akan dapat diatasi.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri, apakah pihak Kerajaan sedar tentang berlakunya kerosakan lebuhraya terutama Lebuhraya Timur-Barat ialah setiap tahun waktu datangnya musim tengkujuh, dan kalau sebagaimana dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri, tiap-tiap tahun 1983 dan 1984 terpaksa berbelanja \$18 juta barangkali tahun 1985 akan berbelanja \$18 juta juga untuk membaiki.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, bilakah Lebuhraya Timur-Barat itu hendak dikosmetikkan.

Yang ketiga, Yang Berhormat Menteri memberi tahu bahawa pihak Kementerian Kerja Raya sedang hendak berunding dengan pakar-pakar perunding. Saya ingin tahu pakar-pakar perunding itu dari dalam negeri atau luar negeri.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang kita umumkan dalam Dewan yang mulia ini semasa dalam jawapan iaitu perbelanjaan \$18 juta pada tahun 1983/1984 untuk satu bahagian sahaja. Tetapi seperti apa yang kita umumkan lebih kurang dua atau tiga minggu lalu iaitu kerosakan yang kita lihat dan juga apa yang kita jalankan saya harap boleh diselesaikan dengan harga lebih daripada \$100 juta. Pada tahun 1985 dan 1986 saya harap kita akan berbelanja lebih kurang \$60 juta.

Ada juga soalan apakah kita akan membelanjakan beberapa banyak wang atas jalan itu. Jikalau kita ikut cara baru, cara itu untuk mengadakan jambatan dan lain-lain untuk membina jalanraya Timur/Barat saya harap harga jalanraya itu boleh jadi lebih daripada \$1 billion tetapi apa yang kita belanja setakat ini ialah lebih kurang \$350 juta. Saya harap dalam tempoh tiga tahun akan datang semua masalah-masalah berkenaan dengan jalanraya Timur/Barat boleh dapat diselesaikan.

Berkenaan dengan pakar perunding itu seperti apa yang saya katakan tadi ialah kita belum menentukan mana satu pakar perunding yang kita akan gunakan tetapi saya harap daripada luar negeri.

WABAK KAFIR MENKAFIR SESAMA ISLAM

7. Tuan Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah wabak kafir mengkafir di antara sesama Islam di negara ini telah dapat dibendung dan sejauh manakah kejayaan Kanun Keseksaan yang telah dipinda tidak lama dahulu dapat menyeret orang-orang bersalah ini ke muka pengadilan dan berapa ramaikah yang telah dihukum.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah pun dijawab semasa saya menjawab soalan Yang Berhormat dari Pasir Puteh pada 7hb November 1984 yang lalu. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

PROJEK BERSEPADU KERIAN SUNGAI MANIK

8. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Pertanian menyatakan kedudukan Projek Bersepadu Kerian Sungai Manik:

- (a) berapa peratuskah projek ini telah siap;
- (b) bilakah projek ini akan siap sepenuhnya;
- (c) mengapakah projek ini tidak dapat disiapkan mengikut jadual; dan
- (d) apakah langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah yang ada sekarang bagi menyiapkan projek ini demi untuk kepentingan petani-petani di kawasan yang berkenaan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, sehingga Jun, 1984 kemajuan fizikal projek yang telah siap ialah sebanyak 75%. Projek ini pada mulanya dijangka siap dalam tempoh masa 5 tahun iaitu pada tahun 1983 akan tetapi oleh kerana masalah peruntukan yang dihadapi pada tahun 1983 kerja-kerja pembinaan sistem taliair TARSER (Tertiary Canal) telah terpaksa ditangguhkan ataupun dipelahankan. Peruntukan yang mencukupi telah diperolehi bagi tahun 1984 dan dijangkakan keadaan ini akan dapat dikekalkan bagi tahun 1985. Dengan ini pembinaan infratraktur berkenaan dijadualkan siap pada tahun 1985 bagi kawasan

Sungai Manik dan tahun 1987 bagi kawasan Krian.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa walaupun projek ini telah selesai 75% tetapi masalah utama iaitu taliair ketiga seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sangat penting dan kenapakah di dalam sewaktu merancang projek ini taliair ketiga ini dijadikan sebagai peringkat yang penghabisan di dalam menyelesaikan Projek Krian/Sungai Manik.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri maksudkan apabila siap nanti termasuk juga pembinaan semula jalanraya-jalanraya yang telah rosak akibat daripada projek ini dilaksanakan.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah pun dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat tadi kelewatan ini adalah melibatkan berbagai-bagai bidang iaitu masalah-masalah yang dihadapi dalam menjalankan kerja pembinaan dalam tahun 1982/1983 adalah kelambatan pengambilan balik tanah khususnya di compartment B, F dan H. Gangguan-gangguan di atas binaan parit disebabkan jambatan-jambatan, paip dan tiang elektrik di compartment F. Dan juga kerja-kerja pengambilan tanah pada kebanyakannya telah terlewat oleh kerana peruntukan bagaimana yang telah saya jelaskan dari mula tadi untuk pembayaran pampasan kepada pemilik-pemilik tanah, dan tanah ini telah dapat diatasi dan sehingga Jun 1984 ini sebanyak 96% telah dikeluarkan borang G. Pada keseluruhannya semua pengambilan tanah telah siap.

Sebagaimana yang ditanya oleh pihak Yang Berhormat tadi mengenai

jikalau kiranya projek tersebut siap pada masa yang telah pun dijangkakan oleh Kerajaan adakah tidak pembaikan ataupun membaiki jalan-jalan yang telah rosak di kawasan itu akan dibuat sama dengan projek tersebut. Ini saya tidak dapat memastikan di sini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kadangkala jalan-jalan ini ialah dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh hal yang demikian, saya akan menyelidiki dan memberi tahu kepada Ahli Yang Berhormat.

BAKA SELEMBU— PEMBIAKAN

9. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerianya bercadang untuk mengembangkan baka selembu (kacukan seladang dengan lembu). Adakah perkembangan dan pembiakan baka selembu itu mempunyai potensi dan hasil yang baik.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Haiwan di bawah Kementerian Pertanian sedang melaksanakan kajian-kajian ke atas selembu yang telah dihasilkan. Sekarang ini terdapat 15 ekor anak dan dijangka sebanyak 10 atau 15 ekor lagi akan dilahirkan.

Bidang kajian meliputi semua jurusan penternakan terutamanya pertumbuhan berat badan dan seterusnya kepada keupayaan membiak apabila tiba masanya nanti. Setakat ini adalah didapati anak-anak selembu ini lebih besar dan lebih cepat membesar berbanding dengan anak-anak lembu lain yang terdapat di ladang berkenaan. Langkah-langkah juga sedang diambil untuk menjinakkan baka seladang yang terlibat supaya kajian terhadapnya dapat dibuat. Sebanyak 30 ekor lembu dara telah disediakan khas untuknya.

Pembiakan dan ternakan selembu akan diberi perhatian yang sewajarnya terutamanya di dalam pengeluaran daging sekiranya didapati berkesesuaian dan berpotensi. Mengikut apa yang diperolehi dari kajian-kajian hingga ini prestasi selembu adalah amat menggalakkan.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian berapakah perbelanjaan kacukan ini dan adakah perkara ini dilakukan oleh negara-negara lain yang telah berjaya mengeluarkan hasil yang baik. Yang kedua, adakah baka-baka selembu ini akan diberi kepada petani-petani.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, kacukan ini secara otomatis oleh kerana seladang itu dia datang dengan tersendiri masuk dalam ladang lembu kita di Johor. Jadi, belanja yang diperlukan untuk kacukan ini setakat ini sangat rendah. Dan juga setakat ini kita belum lagi memikirkan jikalau menguntungkan jika anak-anak selembu ini harus diberi kepada para petani-petani kita tetapi inilah yang pertama kalinya hal begini berlaku. Saya tidak dengar di mana-mana tempat lagi.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian telah menyatakan untuk projek kacukan ini, untuk melahirkan selembu ini, pihak Kementerian Pertanian telah menyediakan 30 ekor lembu. Jadi saya hendak tahu 30 ekor lembu ini untuk seekor seladangkah atau berapa ekor seladang jantan kerana 30 ekor itu lembu dara katanya. (*Ketawa*).

Tuan Luhut Wan: Untuk seekor seladang sahaja. (*Ketawa*).

**SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN TELUPID—
PEMBINAAN**

10. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kementerian Pelajaran memulakan pembinaan S.M.K. Telupid.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Menengah Kebangsaan Telupid iaitu sekolah yang baru telah pun ditender dan mula dibina dalam bulan Oktober setelah tapaknya diambilalih dalam tempoh masa selama 100 minggu dan anggaran kosnya ialah \$11 juta.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada terdapat beberapa sekolah-sekolah di Sabah juga yang dibina misalnya dekat stesen-stesen elektrik dan juga di tengah-tengah padang permainan di mana rasa saya tidak elok dan tidak ada satu perancangan yang betul dibuat. Jadi apakah tindakan di masa-masa akan datang supaya perkara seperti ini tidak akan berulang lagi?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terkeluar sedikit daripada soalan asal, namun demikian memang kita tidak mahu lihat sekolah-sekolah yang dibuat ini adalah dekat tiang elektrik ataupun

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Enjin elektrik, bising siang malam sehingga mereka tidak boleh belajar.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Dekat enjin elektrik ataupun dalam bahasa Sarawak "pohon api", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi memang kita tidak mahu itu tetapi kadang-kadang kebetulan juga tanah yang sedia ada hanya dekat enjin api

ataupun "pohon api". Jadi kalau sekiranya ini terdapat, kita berusaha untuk mendapatkan tempat yang baru untuk memindahkan sekolah ini kalau ada kemampuan Kerajaan dari segi kewangan, dan insya Allah, perkara ini akan diselidiki dan tindakan diambil oleh pihak Kementerian Pelajaran.

**PEMBANGUNAN DESA—
FUNGSI MARDI**

11. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Pertanian menyatakan bahawa MARDI adalah sebuah institusi ulung negara pada masa ini, apakah fungsi dan peranannya dalam pembangunan desa, selaras dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, MARDI menjalankan fungsi dan peranan seperti berikut:

- (a) Menjalankan penyelidikan saintifik, teknikal, ekonomik dan sosial berkaitan dengan pengeluaran, penggunaan dan pemerosesan ternakan dan pelbagai tanaman, kecuali getah dan kelapa sawit.
- (b) Berkhidmat sebagai pusat bagi pengumpulan dan penyebaran maklumat dan nasihat saintifik, teknikal dan ekonomik yang ada hubungannya dengan industri pertanian.
- (c) Menjadi pusat kepakaran kepada perkhidmatan pengembangan industri pertanian.
- (d) Memberi khidmat nasihat dalam sains dan teknologi yang berkaitan dengan latihan kepada kakitangan penyelidikan dan agen-agen pengembangan pertanian.

- (e) Bekerjasama dengan agensi-agensi lain, Jabatan-jabatan Kerajaan mahu pun pihak swasta di dalam dan luar negeri yang ada kaitannya dengan sains, teknologi, ekonomi dan penyelidikan soal-soal pertanian.

Peranan utama MARDI dalam memberi sumbangan penting terhadap pembangunan desa adalah tertumpu kepada usaha-usahanya mempertingkatkan lagi teknologi-teknologi mengenai pengeluaran, penggunaan dan pemerosesan terhadap tanaman-tanaman seperti padi, koko, tembakau, buah-buahan, sayur-sayuran dan di bidang ternakan. Penyelidikan ke atas komoditi-komoditi ini meliputi usaha-usaha mendapatkan jenis-jenis tanaman yang lebih tinggi hasil dan mutunya, kaedah-kaedah, pengawalan makhluk perosak, pengendalian lepas tuai, pemerosesan dan penggunaan bahan-bahan sampingan.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan ini merupakan peranan penting MARDI sebagai sumbangan kepada pembangunan desa. Selain daripada kajian-kajian berkaitan dengan komoditi-komoditi di atas, MARDI juga menjalankan kegiatan-kegiatan yang secara tidak langsung berfaedah dalam pembangunan masyarakat di desa. Penyelidikan-penyelidikan ini meliputi kajian-kajian mengenai dengan sains tanah dan kaedah-kaedah untuk mengatasi persekitaran pertanian.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama sekali saya hendak menyentuh mengenai pengembangan seperti yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pengembangan pihak MARDI ini telah tidak berjalan dengan betul dan kemas kerana dalam

tahun 1970, semasa saya masih di dalam MARDI, kajian telah dibuat mengenai penanaman kulat (mushroom) dan sekarang ini tidak ada pun petani-petani yang mengembangkan penanaman kulat ini. Apakah rancangan MARDI untuk mengembangkan program penanaman kulat ini?

Pertanyaan kedua ialah mengenai pemerosesan bahan pertanian. Dalam MARDI wujud satu Division iaitu Kaji Teknik Makanan (Food Technology). Apakah kejayaan-kejayaan yang telah diperolehi oleh Bahagian Kaji Teknik Makanan ini dan berapakah yang telah dikeluarkan kepada ahli masyarakat untuk dikembangkan dalam usaha perniagaan?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu oleh kerana pihak petani-petani kita tidak begitu dengan mudah mendapat apa pengajaran yang disebarkan oleh pihak MARDI kepada pihak petani-petani kita, oleh kerana kita sedia maklum pihak petani-petani kita ini, bukan semua, tetapi kebanyakan mereka ialah yang tidak mempunyai persekolahan yang begitu tinggi, maklumlah bidang MARDI ini terlibat dengan berbagai cara, sebagaimana yang saya sebutkan tadi cara saintifik dan sebagainya, tentu sekali dengan secara perlahan kita memberi pengajaran daripada pihak MARDI ini supaya menolong para petani-petani kecil di luar bandar.

Juga saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat mengenai petani-petani yang telah melibatkan diri dengan menanam ataupun menubuhkan ladang kulat sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat itu. Saya yakin juga pihak petani-petani kita yang cenderung dalam bidang ini ialah pihak petani-petani yang tidak ada

pengalaman dalam bidang ini dan maktumlah memelihara kulat ini sangat rumit dan kita tidak dapat mengharapkan hasil yang secara besar-besaran akan diterima oleh pihak petani-petani kita yang baru sahaja mempelajari membuat ladang-ladang kulat yang tersebut tetapi namun begitu pihak MARDI sentiasa memberi bimbingan yang sesuai untuk kepentingan dan keperluan para petani-petani.

HOSPITAL BESAR PULAU PINANG—KECUAIAN DOKTOR

12. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar kerana kecuaihan dan kelalaian doktor-doktor di wad bersalin di Hospital Besar, Pulau Pinang, tuala wanita didapati tertinggal dalam badan dua orang ibu bersalin baru-baru ini, mengakibatkan kedua-dua orang ibu bersalin mengalami kesusahan dan apakah tindakan tegas yang akan diambil terhadap doktor/pegawai hospital yang berkenaan;
- (b) apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk mengelakkan perkara seperti ini dari berlaku pada masa depan; dan
- (c) sama ada sebarang pampasan akan dibayar kepada kedua-dua ibu bersalin itu.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar terdapat 2 kes yang malang di Unit Bersalin, Hospital Besar, Pulau Pinang pada 7hb Julai, 1984 dan juga 6hb Ogos, 1984, di mana tuala wanita didapati tertinggal di dalam pesakit setelah bersalin. Perkara ini telah disiasat dan tindakan sewajarnya sedang diambil oleh pihak berkuasa Hospital ke atas

kakitangan-kakitangan yang didapati bertanggungjawab di atas kejadian yang malang itu.

Bagi mengelakkan kejadian yang sama dari berlaku di masa hadapan, Kementerian saya telah menyediakan dan mengelilingkan garis panduan yang lebih terperinci dan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh kakitangan Hospital semasa penjahitan, dengan izin, "episiotomy dan laserasi-laserasi" (lacerations) dalam "vagina", dengan izin. Langkah-langkah juga telah diambil untuk menentukan bahawa terdapat penyeliaan yang secukupnya oleh pegawai-pegawai yang terkanan dan lebih berpengalaman semasa ibu-ibu bersalin dalam keadaan yang sama.

Berhubung dengan soalan bayaran pampasan kepada kedua-dua pesakit atau keluarganya, saya suka memberitahu bahawa jika ada tuntutan perkara ini biasa dikendalikan oleh Jabatan Peguam Negara.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa salah satu faktor yang menyebabkan kes-kes tersebut ialah kerana kekurangan doktor yang hebat lebih daripada 40% menyebabkan doktor-doktor tidak dapat menjalankan tugas dengan betul dan sempurna.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, tidak. Saya memerhatikan bahawa Ahli Yang Berhormat ini selalu mempertahankan doktor-doktor walaupun mereka membuat kesilapan. Dalam kes ini kesilapan jelas berlaku yang tidak dapat diterima, kerana doktor-doktor itu tidak mengikut peraturan-peraturan yang jelas yang terdapat dalam kes seperti ini.

JEMAAH HAJI IRAN— PERARAKAN

13. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan adakah terdapat Jemaah Haji Malaysia turut terlibat di dalam perarakan Jemaah Haji Iran yang berlaku di Mekah dan Madinah pada musim haji baru-baru ini. Kalau ada berapa ramai dan bagaimana mereka boleh turut sama.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada Jemaah Haji Malaysia yang terlibat dalam perarakan Jemaah Haji Iran yang berlaku di Mekah dan Madinah dalam musim haji tahun ini.

Kedutaan Besar Malaysia di Jeddah atau Tabung Haji di Mekah tidak mendapat sebarang laporan daripada Kerajaan Arab Saudi mengenai penglibatan Jemaah Haji Malaysia dalam perarakan tersebut.

JEMAAH HAJI MALAYSIA

14. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan bakal-bakal haji dari Malaysia yang tidak dapat menunaikan fardu haji tahun ini; dan
- (b) jumlah bilangan jumaah haji tahun ini yang menunaikan fardu haji menerusi LUTH dan bilangan menerusi badan-badan perlancongan.

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan bahawa semua bakal haji yang telah mendaftar untuk menunaikan fardu haji melalui Tabung Haji tahun ini telah dapat menunaikan fardu haji. Walau bagaimanapun, adalah difahamkan

bahawa ada juga bakal-bakal haji Malaysia yang telah membuat rancangan untuk menunaikan fardu haji secara persendirian dengan pihak swasta yang telah tidak dapat menunaikan fardu haji.

Kegagalan mereka itu adalah disebabkan pihak-pihak penganjur mereka telah tidak mengendalikan mereka atas sebab-sebab yang tidak diketahui. Bilangan mereka juga adalah tidak diketahui.

Jumlah jemaah haji yang telah menunaikan fardu haji menerusi Tabung Haji adalah seramai 23,474 orang manakala mereka yang pergi secara persendirian seramai 1,270 orang ataupun 5% daripada jumlah jemaah haji tahun ini.

SEKOLAH PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA— PENGIKTIRAFAN

15. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada sekolah perubatan Universiti Malaya masih terus diiktirafkan oleh Majlis Umum Perubatan British, dan sama ada pengiktirafan seumpama itu adalah bersyarat atau tidak bersyarat.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah dijawab di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sekali gus dengan soalan-soalan berkaitan dengan tajuk ini dalam sidang ini pada 11hb Oktober, 1984. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat hendak membuat sebarang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 dan 17 adalah diberi di bawah ini).

LARANGAN PERHIMPUNAN POLITIK

16. Tuan Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bersedia membuka larangan atas perhimpunan politik di Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Dato' Musa Hitam: Izinkan saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa soalan dari Yang Berhormat tersebut adalah sama atau hampir sama dengan soalan-soalan Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Ulu Nerus, Tanjung Karang dan Kuala Nerus yang mana telah saya jawab di dalam Dewan ini pada 10hb dan 26hb Oktober yang lalu. Saya tidaklah bercadang untuk memberi apa-apa ulasan lagi mengenai soalan ini.

SENJATAPI—PANDUAN ANGGOTA POLIS

17. Dato' Dr Hee Tien Lai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau akan mengeluarkan garis panduan-garis panduan yang tertentu tentang penggunaan senjatapi oleh pihak polis di tempat-tempat orang ramai yang sibuk berikutan dengan kejadian baru-baru ini di mana seorang penuntut universiti terbunuh di sebuah kompleks beli-belah di Kuala Lumpur.
- (b) sama ada Kementerianannya akan mengadakan kakitangan yang khusus dilatih seperti pasukan SWAT di Amerika Syarikat dan Flying Squad di England untuk misi-misi penuh risiko.

Dato' Musa Hitam:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hukuman Tetap KPN Bahagian D 222 dan arahan-arahan KPN berhubung

dengan penggunaan senjatapi telah pun menggariskan dengan jenis panduan anggota-anggota polis menggunakan senjatapi di tempat awam. Buat masa ini Kerajaan belum ada cadangan untuk mengeluarkan garis panduan yang lain memandangkan garis panduan yang sedia ada adalah jelas dan mencukupi.

- (b) Pasukan polis sejak awal tahun 1975 lagi telah pun menubuhkan Unit Tindakan Khas yang terlatih bagi membantu cawangan-cawangan lain dalam menjalankan operasi atau serbuan yang penuh risiko. Pasukan ini juga mempunyai fungsi seperti Pasukan "SWAT" di Amerika atau "Flying Squad" di England.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Ancaman Perpaduan Umat Islam dan Keselamatan Negara

3.35 ptg.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya Nik Abdul Aziz bin Nik Mat wakil dari Pengkalan Chepa, mengikut Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat 18 (1) dan (2) mohon mengemukakan satu usul mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat dengan tujuan membincangkan satu usul tertentu bagi kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan. Usul saya berbunyi demikian:

"Bahawa Dewan ini memandang berat dan menolak segala tuduhan yang dibuat dalam Kertas Putih Kerajaan Bil. 56/84 yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada hari Jumaat 9-11-84 yang

menyatakan bahawa Dewan Ulama PAS dan Parti PAS adalah bertanggungjawab di atas perpecahan masyarakat Melayu/ Islam serta mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara seperti yang tersebut dalam muka 6 Kertas Putih itu.”

Kandungan Kertas Putih itu mengandungi tuduhan serius terhadap golongan tertentu sebagai pelampau agama yang melibatkan kaedah umat Islam dan kesan tindakan yang berlandaskan kaedah itu kepada orang ramai.

Oleh yang demikian, ia melibatkan orang ramai apa lagi kegiatan itu menyentuh pula masalah keselamatan negara keseluruhannya. Perkara ini adalah perkara tertentu dan perlu disegerakan, memandangkan kandungannya menyentuh masalah keselamatan dan tuduhan pada sesuatu pihak sebagai menjalankan kegiatan yang mengancam keselamatan itu. Sebagai tuduhan atau kenyataan kandungan Kertas Putih itu adalah serius dan boleh menimbulkan berbagai-bagai implikasi yang perlu dibincangkan segera oleh Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan ini walaupun saya tahu saya seorang diri sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya bersetuju untuk membolehkan menyokong untuk debate, atas syarat Tuan Speaker

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, Yang Berhormat menyokongkah atau tidak?

Tuan Karpal Singh: Saya bersetuju untuk diadakan satu debate, tetapi

saya tidak bersetuju atas isi kandungan usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau begitu, Yang Berhormat tidak menyokong.

Tuan Karpal Singh: Tidak menyokong Usul tetapi saya bersetuju untuk diadakan satu debate atas perkara ini. Oleh kerana perkara ini serius walaupun saya tidak bersetuju dengan isi kandungan apa yang ada dalam usul. Walaupun rakan saya dari Kuala Lumpur Bandar ada memberi satu notis untuk diadakan satu usul atas perkara ini dan apa yang berlaku dalam Dewan ini dalam masa itu, boleh jadi usul itu tidak ada peluang untuk didebate dalam Dewan ini. Oleh kerana itu menjadi satu “Private Members Motion”, dengan izin, dan selepas urusan-urusan Kerajaan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat sudah out of order. Saya minta Yang Berhormat

Tuan Karpal Singh: Saya bersetuju untuk diadakan tetapi saya tidak bersetuju atas isi kandungan yang ada di dalamnya

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, saya sudah faham itu. Saya tidak menerima sokongan yang serupa itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah saya mengkaji usul yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, saya telah pun hendak membenarkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat dengan tujuan untuk merundingkan perkara yang tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendakkan dengan segera. Tetapi usul dari Pengkalan Chepa itu tiada sokongan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 31 (1) yang berbunyi:

“Dalam Persidangan Majlis Mesyuarat, satu usul atau pindaan

itu tidak akan dikemukakan oleh Tuan Yang di-Pertua kecuali jika usul atau pindaan itu telah disokong”.

Oleh yang demikian, saya tidak dapat mengemukakan usul ini dan dengan demikian usul ini telah pun dikira gugur. (*Tepuk*).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 dan Anggaran Pembangunan, 1985 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” (Hari Kelima).

*Majlis bersidang dalam
Jawatankuasa.*

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
perkerusi Jawatankuasa)*

Maksud B. 19 (Jadual)—

*Maksud P. 19 (Anggaran
Pembangunan, 1985)—*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Lumut, sila sambungkan.

3.41 ptg.

Tuan Ng Cheng Kuai (Lumut): Tuan Pengerusi, saya minta dibenarkan 10 minit sahaja untuk menyambung dan menggolong ucapan saya.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Ng Cheng Kuai: Terima kasih.

Tuan Pengerusi, sebelum mesyuarat ditangguhkan semalam, saya ada menyebutkan pelancaran gerakan mencegah pencemaran minyak kapal di Selat Melaka. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mensifatkan 50% Selat Melaka menghadapi masalah pencemaran.

SUMBER-SUMBER PERIKANAN BERSAMA (SHARED STOCK)

Mengikut pengalaman para nelayan ikan kembong berasal dari Laut Hindi. Apabila ia menjelajah ke perairan Malaysia dan tidak ditangkap semua, bakinya akan kembali ke perairan negara lain.

Adalah didapati sejak 3 tahun dahulu lebih kurang 20 buah permohonan dari Negeri Perak untuk lesen jenis ini masih tergendala di Ibu Pejabat Perikanan. Saya fikir kita patut menggalakkan pertumbuhan sektor ini yang melibatkan penangkapan jenis ikan antarabangsa.

KESIMPULAN

Dalam merangka dasar jangka panjang industri perikanan, Kerajaan kita terpaksa mengambil kira fakta-fakta seperti berikut:

- (a) *Keyakinan para nelayan mengenai dasar pengurusan sumber laut*

Saya bersetuju bahawa pengurusan sumber laut harus dilaksanakan, tetapi kaedah dan cara perlaksanaannya mesti beroleh penyertaan para nelayan. Golongan nelayan harus diyakinkan bahawa langkah-langkah Kerajaan akan mengutungkannya. Misalnya, Jabatan Perikanan boleh mempelawa para nelayan

menyertai penyelidikan tertentu yang membuktikan adanya atau betapa seriusnya masalah kemerosotan hasil laut.

(b) *Perusahaan ikan air tawar*

Teknologi untuk pemeliharaan ikan air tawar sudah wujud. Kolam-kolam bekas lombong di seluruh Negeri Perak patut digunakan untuk tujuan ini. Galakan cukai patut dianugerahkan kepada restoran-restoran yang mempamer dan menjual ikan air tawar. Pertumbuhan sektor ini akan mengurangkan bayaran import ikan dari Thailand.

(c) *Bot-bot nelayan tradisional*

Ada baiknya jika secara beransur-ansur bot-bot nelayan tradisional digalakkan mengubah kepada pukat moden untuk tujuan menangkap ikan di laut dalam.

(d) *Tangkapan ikan di Pantai Timur*

Untuk memberi makna kepada Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif 1984, para nelayan di Pantai Barat yang berminat menangkap ikan di laut dalam patut diberi galakan dan kemudahan pendaratan di Pengkalan tertentu untuk meneroka kawasan perairan Laut China Selatan. Tambahan pula bot-bot pukat tunda yang tidak berlesen di Pantai Barat patut digalakkan meneroka sumber-sumber laut dalam di Pantai Timur yang sepanjang ini diterokai oleh bot-bot nelayan asing. Pandangan ini adalah hasil perbincangan saya dengan pengusaha-pengusaha bot di Perak.

Dengan pendekatan ini kita boleh mengatasi sebahagian besar masalah bot tidak berlesen di Pantai Barat. Dengan itu bot-bot yang berkenaan terpaksa memperoleh teknologi baru bagi penangkapan ikan di laut dalam.

Buat masa ini ada kemungkinan ikan yang diimport daripada Thailand asalnya muncul di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia tetapi ditangkap oleh para nelayan Thai, kemudian dieksport ke Malaysia.

(e) *Nelayan bercucuk tanam*

Adalah satu anggapan yang salah bahawa para nelayan tidak sesuai dijadikan petani. Sebenarnya saya pernah mengadakan satu kajiselidik di Pantai Remis melalui MCA di situ. Hampir 80% nelayan dahagakan tanah untuk bercucuk tanam.

Kalau kita sungguh-sungguh mahu menyerap mereka dalam rancangan tanah Kerajaan, kita terpaksa memikirkan masalah kejutan kebudayaan. Ini termasuk masalah persekolahan anak-anak mereka dan alam persekitaran yang tidak terlalu berbeza dengan apa yang terdapat di tempat asalnya.

(f) *Mewujudkan satu persatuan nelayan nasional*

Masalah yang terlalu serius yang menimpa industri perikanan ialah ketiadaan perwakilan yang efektif. Jadi, Kerajaan tidak dapat menyampaikan idea dan dasarnya kepada satu badan yang berkewibawaan yang mewakili kepentingan nelayan.

Apa jua masalah yang melibatkan kepentingan nelayan boleh diselaraskan jika satu badan nasional ditubuhkan. Tidak usahlah bagi saya menitikberatkan betapa pentingnya masalah ini kerana perikanan di Malaysia ada kaitan dengan periuk nasi seramai 111,150 orang nelayan. Sebagai contoh organisasi-organisasi perikanan di Jepun memainkan peranan cergas dalam penggubalan dasar dan strategi Kerajaannya.

Tuan Pengerusi, seperti yang saya sebutkan semalam, jika konsep QCCF, dengan izin, Quality Control Circle for Fisheries dilaksanakan dengan sepenuhnya, ia akan meningkatkan pengeluaran para nelayan, bahkan menjamin keutuhan sumber hasil laut dari segi jangka panjang dan masa depan industrinya.

Akhirnya, saya menyokong peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Pertanian.

3.49 ptg.

Tuan Abdilllah bin Haji Abdul Hamid (Silam): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan peruntukan Kementerian Pertanian dan saya akan menyentuh Maksud B. 19, Butiran 2—Pertanian, program 2.1 dan juga Butiran P. 19 Perikanan, Butiran 249 dan Butiran 221.

Tuan Pengerusi, seperti kita semua sedia maklum bahawa sektor pertanian merupakan suatu bidang yang terluas sekali diterokai oleh sebageian besar penduduk negara ini, khususnya mereka yang tinggal di luar bandar. Maka beberapa langkah hendaklah diambil oleh Kerajaan, khususnya Kementerian Pertanian untuk menentukan agar sektor pertanian ini akan dapat mencapai matlamatnya.

Dalam kita melaksanakan rancangan melipatgandakan pengeluaran makanan seperti yang terkandung dalam Dasar Pertanian Kebangsaan kita, kita haruslah mengkaji semula perkara-perkara seperti kemudahan kredit yang liberal, sistem pengangkutan yang efficient dan perancangan pemasaran yang efektif.

Saya menyarankan ini agar dapatlah diwujudkan satu rancangan pelaksanaan yang diselaraskan, seperti dari segi bimbingan teknologi menanam, kemudahan kredit pengangkutan dan pemasaran.

Dalam penggunaan kimia pertumbuhan pula, Tuan Pengerusi, racun-racun ataupun bahan-bahan kimia yang digunakan untuk mengawas serangga yang digunakan oleh petani kita adalah meluas, akan tetapi beberapa kesilapan dalam penggunaan racun serangga dan kimia ini telah terjadi hingga mengakibatkan kerugian dan menjejaskan pertumbuhan tanaman para petani kita. Kesilapan ini berlaku dalam fahaman saya adalah disebabkan oleh ketidak-fahaman para petani dalam penggunaan bahan kimia. Dengan ini saya menggesa agar agensi-agensi Kerajaan, khususnya di bawah Kementerian Pertanian hendaklah mengadakan satu rancangan khusus yang bertujuan untuk meninggikan taraf kefahaman para petani kita dalam penggunaan sebarang bentuk bahan kimia pertanian yang terlalu kompleks ini. Kempen-kempen untuk memberikan penerangan di peringkat kebangsaan dan juga di semua peringkat hendaklah diadakan agar maklumat-maklumat tentang penggunaan bahan-bahan kimia ini akan dapat disebarkan dengan lebih berkesan melalui media-media massa. Dengan ini petani-petani kita akan dapat mempertinggikan lagi kebolehan mereka dalam menggunakan bahan-bahan kimia.

Tuan Pengerusi, selain daripada masalah ini, para petani juga menghadapi masalah pinjaman, masalah modal. Di sini saya ingin menggesa supaya pihak Kementerian akan dapat mengatasi keperluan masalah ini, iaitu masalah kredit. Seperti kita semua sedia maklum, perubahan ekonomi pertanian daripada tahap tradisi ke tahap moden telah menimbulkan beberapa masalah. Perekonomian statis yang tidak berorientasikan kepada kewangan sudah bertukar kepada perekonomian yang dinamis dengan pertumbuhan dalam berbagai-bagai keperluan input moden. Keperluan ini perlulah, seperti saya sebutkan ini, seperti mendapatkan baja, mendapatkan baka-baka yang baik dan sebagainya memerlukan kewangan yang banyak. Para petani memerlukan kredit, seperti kita semua sedia maklum, dariada institusi-institusi kewangan dan pembekal-pembekal kredit tidak rasmi seperti tuan-tuan tanah, orang-orang tengah yang mengenakan faedah yang terlalu tinggi kepada petani-petani kita. Oleh kerana petani-petani kita tidak mempunyai pilihan (alternatif), maka terpaksa mereka mengambil ataupun menerima pinjaman-pinjaman daripada institusi-institusi ataupun orang-orang yang saya sebutkan tadi walaupun kadar faedah yang dikenakan kepada pinjaman-pinjaman ini terlalu tinggi. Kalau pula petani-petani kita memohon daripada bank-bank, seperti Bank Pertanian, prosesnya terlalu lambat, maka ini mewujudkan suatu keadaan yang tidak baik, keadaan yang seharusnya dibaiki oleh Kementerian yang berkenaan.

Berhubung dengan P. 19, Butiran 249 dan Butiran 221, Tuan Pengerusi, saya akan menyarankan supaya satu perhatian yang serius yang akan dapat diberikan kepada pembangunan masyarakat nelayan, terutama sekali pembangunan perikanan laut dalam. Dalam hal ini adalah wajar kita

memodenkan lagi cara penangkapan kita. Ahli Yang Berhormat sebentar tadi telah menyebutkan supaya kita memodenkan cara nelayan kita menangkap ikan di perairan dalam. Para belia nelayan dan juga nelayan-nelayan di seluruh negara haruslah diberi latihan untuk mengendalikan bot-bot yang lebih besar sesuai untuk keperluan menangkap ikan di perairan yang dalam. Saya berpendapat tanpa penggunaan teknologi moden, para nelayan kita sudah tentu tidak akan dapat mempertingkatkan lagi mutu penangkapan mereka dan ini secara tidak langsung akan menjejaskan penangkapan mereka.

Di kawasan saya, Tuan Pengerusi, dengan izin, dengan usaha Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Perikanan Negeri melalui agensinya SAFMA, baru-baru ini satu kawasan penangkapan ikan air dalam jenis ikan tuna telah dijumpai dan bot-bot besar yang dilengkapi dengan alat-alat moden telah menunjukkan kejayaan yang cemerlang setelah alat-alat ini digunakan. Mata pendapatan para nelayan di beberapa pulau di kawasan ini telah didapati meningkat dan bertambah baik. Saya percaya projek seperti ini seharusnya digalakkan seluruh negara kita ini dan ini adalah satu pertanda yang baik dan seharusnya disusuli oleh Kementerian yang berkenaan apabila merancang dan membuat, menggubal undang-undang, bagaimanakah kita akan meningkatkan mata pencarian nelayan kita, khususnya mereka yang berusaha di kawasan-kawasan yang dalam.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Pertanian yang dibahaskan di Dewan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

3.58 *ptg.*

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B. 19 di mana \$356.7 juta untuk Perbelanjaan Mengurus dan juga \$735.3 juta untuk Perbelanjaan Pembangunan bagi Kementerian Pertanian.

Tuan Pengerusi, dalam Ucapan Belanjawan, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkata bahawa seperti berikut:

“Pertanian bukan sahaja merupakan punca pendapatan utama bagi sebahagian besar penduduk-penduduk di luar bandar, tetapi juga menjadi asas ekonomi negara”.

Malah, menurut Banci Penduduk dan Perumahan 1980 dan Kajian Tenaga Buruh 1980 juga, kira-kira 35.5% daripada jumlah tenaga kerja negara kita adalah terlibat dalam pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan.

Sungguh malangnya orang-orang yang terlibat dalam sektor pertanian masih terus menjadi golongan yang mempunyai insiden kemiskinan yang tertinggi sekali sebanyak 55% selepas 14 tahun pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan membasmi kemiskinan, khasnya di kalangan penduduk-penduduk luar bandar. Di antara pekerja-pekerja pertanian, pekebun-pekebun kecil getah mengalami kadar kemiskinan yang tertinggi sekali, iaitu sebanyak 61% menjelang tahun 1983. Kadar kemiskinan di kalangan pesawah-pesawah ialah 54%, nelayan 44.7% dan pekerja-pekerja ladang 55%. Angka-angka mengenai kemiskinan ini adalah terlalu tinggi jika dibandingkan dengan angka-angka kemiskinan kebangsaan sebanyak kira-kira 31% dan jika dibandingkan dengan kadar kemiskinan di antara golongan-golongan yang lain juga, orang-orang yang terlibat dalam pertanian adalah miskin sekali.

Tuan Pengerusi, disebabkan tarikh sasaran iaitu tahun 1990 bagi pencapaian Dasar Ekonomi Baru hampir dekat maka kini terdapat keperluan yang mendesak bagi kita untuk mengkaji semula strategi dan dasar asas kita berhubung dengan rancangan pembasmian kemiskinan di sektor pertanian. Kebanyakan penduduk-penduduk kita yang terlibat dalam sektor pertanian adalah orang-orang bumiputera dan mereka harus mempunyai bahagian dalam pembangunan negara kita, kalau tidak dissent, dengan izin, yang tercetus akan memecahbelahkan perpaduan negara kita pada amnya dan masyarakat Melayu khasnya. Tambahan pula kita sebagai Wakil Rakyat dan ahli-ahli politik memikul beban moral untuk menyelesaikan masalah survival yang ketara golongan termiskin sekali rakyat Malaysia ini yang terlibat dalam bidang pertanian.

Untuk mengurangkan kos pengeluaran products pertanian kita, kita harus memastikan terdapat bekalan baja yang murah dan mencukupi yang mana inilah yang telah menjadi masalah utama aliran tunai kredit bagi kebanyakan petani-petani kita. Dan pengeluaran baja tempatan oleh 7 pengilang utama yang menggunakan bahan-bahan mentah yang diimportkan adalah dianggarkan sebanyak 372,000 tan pada tahun 1984 yang hanya cukup untuk memenuhi 27% keperluan domestic sahaja. Jumlah import berbagai jenis baja dalam tahun 1984 adalah dianggarkan sebanyak lebih 900 tan.

Tuan Pengerusi, bagi sebuah negara yang bergantung sangat ke atas pertanian dalam erti kata mata pencarian maka kita haruslah memberi perhatian yang sungguh-sungguh terhadap kemungkinan mencari bahan-bahan mentah tempatan serta menubuhkan kilang-kilang baja yang lebih jika perlu oleh Kerajaan juga supaya menentukan

terdapat energy input yang lebih murah ke dalam sektor pertanian kita dan kemudahan-kemudahan lain untuk pertanian seperti alat mesin, racun makhluk dan ubat serangga yang boleh dibuat di sini hendaklah juga disediakan untuk mengurangkan import dan kos pembekalan kemudahan-kemudahan tani yang murah akan pada akhirnya lebih bermanfaat daripada berbagai skim subsidi yang ada sekarang kerana skim-skim subsidi ini hanya akan menggalakkan mentality bergantung di kalangan petani-petani (dependent mentality), apa-apa yang boleh dicapai oleh rancangan-rancangan pembangunan fizikal mempunyai hadnya. Kerajaan boleh membuka lebih banyak lagi tanah menerusi berbagai agensinya, membina infrastruktur dan kemudahan-kemudahan simpanan pemasaran tetapi pada akhirnya pemikiran petani-petani sendiri hendaklah diubah.

Saya sedar bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak ada hadir di persidangan ini dan selalulah saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan tetapi "to give credit where credit is due". Saya ingin sebutkan bahawa di dalam negeri Sarawak adalah satu extension programme di mana pegawai-pegawai Jabatan Pertanian dihantar ke kampung-kampung, pekebun-pekebun untuk mengambil bahagian dan menjalankan dialog dan ini satu approach yang mesti dialu-alukan. Ini adalah satu rancangan yang saya rasa dapat digalakkan dan pembangunan fizikal yang tidak disusuli dengan pembangunan kesedaran petani-petani pasti akan gagal.

Bertani (farming) adalah satu cara hidup tetapi petani-petani hendaklah disedarkan bahawa pertanian juga adalah satu perniagaan dan seperti perniagaan-perniagaan lain pengurusan yang baik, perancangan

yang sempurna, pemasaran mahir dan pembiayaan yang kukuh boleh membawa pemulangan. Tanah-tanah kita jika dibandingkan dengan "Prairies" ataupun "Pampas", dengan izin, adalah kurang baik tetapi petani-petani kita tidak harus terperangkap dalam vicious cycle kemiskinan dan perhutangan.

Pertanian bercorak perniagaan hendaklah menggantikan pertanian bercorak untuk cukup hidup (subsistence agriculture). Atas sebab ini penggerak-penggerak baru dan rasa commitment hendaklah diberi terhadap konsep pertanian collective ataupun berkelompok di mana pekebun-pekebun kecil yang tidak ekonomik saiznya hendaklah disatukan menjadi estet-estet yang lebih besar. Konsep ini sering telah diperkatakan tetapi tidak dilaksanakan dengan sepenuhnya. Pelaksanaan sistem sempena ini akan menjadi satu langkah besar ke hadapan bagi pertanian Malaysia kerana ia akan melibatkan land reform, pengwujudan kelas baru petani-petani yang mempunyai kemahiran yang sophisticated dalam pengurusan pekebun.

Penubuhan koperasi-koperasi pertanian adalah amat perlu juga sekiranya sektor pertanian hendak digerakkan semula. Hanya perubahan structural sedemikian boleh menyebabkan petani-petani kita mempunyai collective resources untuk bukan sahaja memperolehi kemudahan-kemudahan pembiayaan yang lebih baik dan meningkatkan pengeluaran tetapi juga memainkan peranan utama dalam pasaran products mereka tanpa dieksploitasi oleh orang-orang tengah. Hanya dengan berbuat demikian, secara menubuhkan farmers' organisation dan lain-lainnya petani akan mempunyai sumber-sumber untuk diversify kegiatan-kegiatan pertanian

mereka supaya dapat mencapai matlamat untuk membasmi kemiskinan.

Perihal mengelompokkan semula kampung-kampung kecil yang berselerak adalah satu lagi elemen yang selalu ditegaskan tetapi jarang dilaksanakan oleh Kerajaan. Bagi sebuah negeri yang besar seperti Sarawak yang mempunyai kira-kira 5,000 lebih buah kampung yang kecil yang berselerak di seluruh negeri tersebut yang saiznya adalah seperti Semenanjung Malaysia di mana pekebun bercorak cukup untuk hidup diamalkan. Hanya pengelompokan sahaja merupakan alternative ke arah refomasi structural dalam pertanian tetapi untuk mewujudkan reformasi structural sikap pegawai-pegawai dan ahli-ahli politik Kerajaan hendaklah menjalani satu reformasi dahulu.

Berhubung dengan sektor-sektor lain di sektor pertanian mental block pegawai-pegawai Kerajaan harus diubah. Mereka hendaklah menunjukkan perhatian (concern) yang sesungguhnya kepada rakyat kerana tugas mereka untuk mewujudkan perubahan-perubahan struktur dan pembangunan mental melibatkan tidak kurang daripada satu revolusi kebudayaan (cultural revolution) di kalangan masyarakat petani dan nelayan. Mungkin kita juga harus menjalankan satu kajian mengenai "success story" yang telah berlaku di Asia seperti di Taiwan dan Korea supaya dapat kita mempelajari rancangan-rancangan pertanian mereka serta apakah itu yang membuatkan mereka bekerja begitu rajin dan what makes it tick, dengan izin.

Akhirnya, izinkan saya merujuk kepada peruntukan bagi pembangunan perikanan di Sarawak pada tahun 1985 di bawah Butiran 235.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada dua minit sahaja lagi.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih. Terdapat 11,000 isi rumah di Sarawak yang terlibat dalam bidang perikanan dan sejak skim subsidi ini dibatalkan, nelayan-nelayan di Sarawak telah mengalami penangkapan yang kurang akibat pencemaran dan bekalan ikan yang semakin kurang. Saya harapkan Kementerian Pertanian boleh memberi perhatian yang lebih serius untuk mungkin menambahkan peruntukan untuk sektor nelayan di negeri Sarawak supaya mereka boleh menyelesaikan masalah kemiskinan mereka di mana kurang lebih 40% daripadanya mungkin hidup di bawah garis kemiskinan sahaja. Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

4.11 ptg.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya menyertai perbahasan di bawah tajuk Kementerian Pertanian P. 19 muka surat 89 Butiran 1 Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.

Apabila saya membaca laporan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan ini saya sangat tertarik hati dan berasa bangga bahawa adanya badan yang bertanggungjawab mengenai pemasaran hasil pertanian yang mempunyai objektif-objektif dan bidang tugas yang telah ditentukan iaitu menyelaraskan aktiviti-aktiviti di bidang pemasaran hasil-hasil pertanian oleh orang-orang perseorangan dan badan-badan pertubuhan, memperimbang dan memajukan cara pemasaran dan mencari pasaran baharu, dan luang-luang baharu bekerjasama dengan orang peseorangan atau pertubuhan bagi menggalakkan kecekapan dan kekesan dalam pemasaran hasil-hasil pertanian, menggalak dan memajukan pengurusan yang cekap

dan berkesan bagi perusahaan-perusahaan mengendali pertanian atau memproses hasil-hasil pertanian, menyedia dan mengawas kemudahan-kemudahan kredit bagi pemasaran hasil-hasil pertanian dan memastikan kemudahan-kemudahan tersebut digunakan dengan sepenuhnya serta menyertai perusahaan-perusahaan pertanian atau perusahaan-perusahaan memproses hasil-hasil pertanian.

Bidang yang dipertanggungjawabkan adalah semua hasil pertanian selain dari getah, kelapa sawit, nenas, padi, ikan, ternakan dan tembakau. Ini bererti bahawa di bawah bidang kuasa atau bidang tugas Lembaga Pemasaran Pertanian ini termasuklah koko, kopi, ubi, keladi, kelapa, pisang, sayur-sayuran dan buah-buahan. Sehingga hari ini ternyata bahawa Lembaga Pemasaran Pertanian ini tidak begitu menonjolkan peranannya di peringkat daerah-daerah. Dari segi khidmat yang diberi juga kepada badan-badan dan orang perseorangan juga tidak begitu berkesan dan tidak memenuhi objektif-objektifnya.

Saya membangkitkan Lembaga peranan Pemasaran Pertanian ini bersabit dengan petani-petani yang bertanam sayur di kawasan saya iaitu mereka itu terpaksa bertanam sayur kerana tanah mereka adalah tanah gambut, tidak boleh ditanam padi dan tidak sesuai pula bagi kebanyakan tanam-tanaman yang lain. Mereka mendapati bahawa pertolongan baja dan racun serangga misalnya tidak mencukupi dan ada kalanya tidak didapati. Lembaga Pemasaran Pertanian pula bertindak bukan sebagai satu agensi yang melindungi mereka. Harga sayur dibayar kepada petani-petani terlalu rendah dan Lembaga juga sepatutnya memberikan harga yang menjadi persaingan bagi peraih-peraih yang lain. Lembaga Pemasaran Pertanian

bersama-sama dengan Jabatan Pertanian dan agensi-agensi yang bersangkutan hendaklah merancang dan menasihatkan petani-petani mengenai jenis-jenis sayur yang mendapat pasaran dan menumpukan usaha kepada sayur-sayur tersebut sahaja.

Di samping itu hendaklah juga diatur di kalangan petani-petani supaya tidak semua petani menanam jenis sayur yang sama agar pengeluaran sayur itu tidak terlalu melebihi permintaan dan dengan itu menurunkan harganya. Saya menekankan supaya diadakan perancangan tadi ialah kerana sering saya lihat berpuluh-puluh bakul sayur sama ada labu, bendeh, kadang-kadang terong bertimbun di tepi jalan hingga busuk dan bila di tanya jawabnya ialah harganya terlalu rendah dan tidak berfaedah mereka menjulkannya ke bandar kerana tambang kenderaan tidak akan mencukupi.

Pisang juga dibiarkan luruh di pokok kerana kalau setandan 50 sen pun tidak ada seorang yang hendak membelinya pada hal harga pisang di Kuala Lumpur, saya pernah membeli pisang di Kuala Lumpur untuk membandingkan dengan kawasan saya, saya dapati bahawa di Kuala Lumpur satu sisir pisang awak tidak kurang daripada 60 sen atau 70 sen harganya, pada hal kalau di kampung 50 sen setandan pun orang tidak hendak membelinya.

Saya menyeru kepada Lembaga Pemasaran Pertanian agar mengambil tindakan atas hasil pertanian ini seperti termaktub dalam tanggungjawabnya dari segi pemasaran dan juga pemerosesan pisang misalnya kalau di tempat yang terlalu banyak pisang mungkin boleh diadakan satu kilang kecil untuk memproses pisang dijadikan kerepek-kerepek pisang dan kueh-mueh yang lain dan ini akan boleh

menyebabkan penyertaan yang lebih giat di kalangan petani dalam pemasaran.

Mengenai Butiran 9 (i) iaitu Subsidi Baja Padi. Sungguhpun subsidi-subsidi lain telah ditiadakan nampaknya, tetapi peruntukan subsidi baja padi masih ada iaitu sebanyak \$74,850,000. Memang baik adanya subsidi ini kerana bagi seorang petani yang bekerja atas sekeping tanah tiga ekar iaitu satu lot beliau memerlukan belanja \$500 sewa bagi tanah, sekurang-kurangnya \$334 upah kenderaan motor membajak dan menuai dan subsidi-subsidi lain adalah dalam bentuk baja. Pada musim yang baik, hasil padi baik, pendapatan yang tetap, dapatlah mereka itu lebih kurang \$1,800 bagi sekeping tanah yang sama iaitu tiga ekar. Tetapi pada musim yang tidak baik pendapatannya mungkin separuh sahaja dari itu ataupun kurang dari separuh. Di samping itu ada juga terjadi penyelewengan baja oleh petani-petani sendiri iaitu subsidi-subsidi baja dijual kerana mereka hendakkan wang tunai segera. Dan terdapat juga wakil-wakil pembahagi baja-baja ini iaitu ketua kampung yang dipertanggungjawabkan menyelewengkan baja-baja ini. Ini memang berlaku dan adalah diharap tindakan diambil terhadap mereka itu. Untuk mengelakkan penyelewengan ini saya mencadangkan supaya subsidi ini tidak diberi dalam bentuk baja tetapi diberi melalui harga padi yakni dengan menambahkan harga padi itu.

Bagi Butiran 9 (iv) iaitu Kajian Kemungkinan, saya menyokong diadakan peruntukan ini kerana kajian penyelidikan memang perlu jika kita ingin melihat kemajuan dan pembangunan berlaku dalam apa juga bidang. Kita tahu di bawah Kementerian Pertanian memang banyak penyelidikan dan kajian dibuat tetapi setelah mendapat hasil dalam satu-satu kajian atau "pilot project"

kita tidak nampak projek-projek itu dilaksanakan dengan meluasnya di seluruh negara. Saya sokong diadakan penyelidikan dan kajian tetapi tidak puas hati atas pelaksanaan hasilnya. Satu ujian yang dibuat mengenai tanah gambut dalam penggal pilihanraya yang lalu 1978/1982 di Selangor kalau saya tidak silap saya, ada diperuntukkan sebanyak \$80,000 untuk mencoba satu kawasan tanah gambut, ini tetapi hasilnya tidaklah diketahui sehingga hari ini dan saya berharap hasil ujian seperti ini dapat digunakan di kawasan saya terutamanya kerana kawasan saya ini banyak terdapat tanah-tanah gambut yang masih lagi terbiar. Dan mengenai tanah terbiar ini saya rasa sudah ada jawatankuasa Petugas ditubuhkan di tiap-tiap negeri tetapi belum lagi dapat dilihat kejayaan-kejayaannya pemulihan tanah-tanah tersebut, cuma setakat kita mengetahui keluasan tanah-tanah yang terbiar itu sahaja. Berkaitan dengan kajian dan penyelidikan, saya suka juga menyentuh kajian terhadap pokok-pokok dan buah-buahan. Tidakkah boleh negara Malaysia menghasilkan buah-buahan Malaysia yang terkenal misalnya duku Malaysia, langsung Malaysia, ataupun cempedak Malaysia yang terbaik seperti terkenalnya mangga Siam, durian Siam dan angor Siam.

Mengenai Butiran 222, muka surat 99 iaitu di bawah tajuk Menangkap Ikan Cara Moden, Penguatkuasa Perikanan dan Kapal Pemeriksaan. Saya menyentuh Butiran ini khususnya berkaitan dengan masalah pukut tunda ataupun pukut harimau. Saya difahamkan memang besar bilangan pukut tunda yang tidak berlesen. Besarnya bilangan pukut tunda ini tentunya mengancam bekalan ikan yang ada diperairan negara kita dan pukut tunda haram ini juga mengancam nelayan-nelayan pukut tunda yang berlesen.

Ekoran dari besarnya bilangan pukot tunda haram ini juga menggalakkan perbuatan rasuah kerana apabila mereka ditahan di laut, mereka membayar jumlah tertentu kepada pihak berkuasa dan mereka lepas dari tindakan undang-undang.

Wujudnya pukot-pukot tunda haram ini banyak mudaratnya dan masalah pukot-pukot tunda haram ini bukanlah masalah baru. Saya berharap Kementerian Pertanian mengambil tindakan menyelesaikan masalah ini dan di samping itu kuota atau peruntukan yang dihaskan kepada nelayan-nelayan bumiputera dalam lesen pukot tunda itu, saya rasa memang belum lagi penuh. Saya berharap juga kepada Kementerian khususnya Jabatan Perikanan dapat berusaha supaya nelayan-nelayan bumiputera memenuhi kuota itu.

Di bawah Butiran 228 iaitu tajuk Pemilihan dan Sosial. Di bawah tajuk ini sungguhpun peruntukannya hanya \$10 sahaja, namun saya suka menyarankan agar Kerajaan merancang perkampungan nelayan dengan sedikit tanah untuk tapak rumah dan bercucuk tanam. Nelayan-nelayan seumur hidup mereka bertarung hidup di laut dan tinggal di tepi-tepi laut dan di tepi-tepi sungai iaitu di bagan-bagan. Apabila mereka tua dan tiada berdaya lagi pergi ke laut, tiada apa jaminan bagi mereka, walaupun untuk berlindung daripada hujan dan panas. Oleh itu, adalah wajar Kerajaan memberikan kemudahan perumahan dan tapak untuk bercucuk tanam agar mereka ini tidak menjadi satu golongan yang terbiar.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya menyokong peruntukan yang dicadangkan bagi Kementerian Pertanian.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok, selepas itu saya minta Menteri menjawab.

4.22 ptg.

Tuan Yahaya bin Haji Zakaria (Bagan Datok): Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam menyokong peruntukan bagi Kementerian Pertanian yang sedang dibahaskan sekarang ini. Tuan Pengerusi, saya sangat mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Menteri Pertanian yang baru dan juga seluruh kakitangan Kementerian, juga Jabatan-jabatan Pertanian, khususnya dalam menyentuh perkara B. 19, muka surat 87 dalam Butiran 1.3 iaitu Pentadbiran Projek Bersepadu, oleh kerana memandangkan prestasi projek bersepadu pertanian yang begitu baik hasilnya. Sebagai contoh projek bersepadu di Barat Laut Selangor dan yang selalu saya lihat lagi ialah projek bersepadu Krian-Sungai Manik, sungguh-sungguh memuaskan oleh kerana di dalam perancangan tersebut terlaksana perkara yang amat penting iaitu keperluan asas mengenai jalan, parit dan sebagainya.

Maka dengan sebab itu, saya ingin mencadangkan dan sementelahan pula kita telah meluluskan satu Rang Undang-undang Perluasan Kawasan di dalam Parlimen ini dalam penggal yang lalu, di mana kawasan projek bersepadu ini patutlah diperluaskan.

Sebagai contoh, Projek Barat Laut Selangor, hanya terbatas bersempadankan kepada Sungai Bernam iaitu sempadan yang memisahkan antara negeri Selangor dengan negeri Perak. Tetapi walau macam manapun, Projek Barat Laut Selangor ini termasuk juga di dalam kawasan Parlimen saya sendiri iaitu apa yang dinamakan sebuah Kampung Pulau Ganda Suli yang menerima belanja lebih daripada \$1 juta.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maka dengan sebab itu supaya mengatasi masalah yang sentiasa

dirungutkan oleh penduduk-penduduk luar bandar, khususnya mengenai pertanian mereka. Saya sukalah memohon kepada Menteri Pertanian apalah salahnya supaya Projek Barat Laut Selangor itu diperluaskan ke kawasan Bagan Datok. Perkara ini saya rasa Yang Berhormat Menteri yang baru sahaja melawat dan berdailog dengan rakyat dalam kawasan Bagan Datok telah dikemukakan beberapa pertanyaan terutama sekali masalah parit memarit dan terdapat suatu perkara yang agak menyedihkan telah berlaku di kawasan tersebut di mana Jabatan Parit dan Taliair telah mengambil tindakan yang tertentu.

Bagi diri saya yang mewakili rakyat kawasan itu, saya mengucapkan berbilang terima kasih, tetapi walau bagaimanapun, segala usaha yang dibuat itu masih lagi perlu diperbaiki dan dipertingkatkan. Sebagai contoh, saya tidak begitu faham apakah yang menyebabkan sebuah ban di kawasan Sungai Belukang dilanda oleh ombak yang menjadi pecah yang mengakibatkan hampir 300 hektar tanah pertanian kelapa dan koko telah ditenggelami oleh air masin. Saya berharap perkara-perkara seumpama ini tidak lagi berlaku di masa yang akan datang.

Pada tahun sudah, banjir telah melanda kawasan Parlimen Bagan Datok yang menyebabkan penanaman kelapa dan koko telah mengalami kerugian dan sumbangan-sumbangan yang diberikan oleh Jabatan Pertanian telah menjadi suatu yang tidak bermakna kepada petani-petani di luar bandar. Ini adalah kerana subsidi daripada Jabatan Pertanian sahaja tidak akan mengatasi masalah pertanian, sekiranya parit memarit tidak dilengkapi dengan sebaik-baiknya.

Saya difahamkan bahawa perkara ini telah ditimbulkan dahulu satu

projek induk parit di Bagan Datok yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan peruntukannya telah diperuntukkan sebanyak \$40 juta oleh Asian Development Bank, di mana saya difahamkan bahawa perkara ini telah pun dilaksanakan tetapi agak begitu "slow" ataupun lambat.

Tuan Pengerusi, saya ingin berpindah kepada perkara B. 19, muka surat 88—berkenaan dengan Butiran 6 iaitu mengenai Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada FAMA di mana pada tahun ini telah memainkan peranan yang baik yang menyebabkan hasil kelapa bukan sahaja barangkali di Bagan Datok tetapi di seluruh negara telah naik. Begitu juga berkenaan dengan harga koko. Tetapi yang menjadi masalah yang ditimbulkan oleh pekebun-pekebun kecil di mana koko sebagai tanaman selingan untuk menambahkan pendapatan, oleh sebab kebun kelapa sudah begitu tinggi pokoknya dan juga susah untuk mendapatkan tenaga buruh, maka kokolah yang menjadi sumber pendapatan tambahan kepada pekebun-pekebun tersebut. Tetapi apa yang selalu dirungutkan oleh pekebun kecil koko ialah mengenai keadaan mutu koko yang mereka hasilkan itu didapati mutunya agak begitu rendah lagi dan apabila mereka menjualkan biji-biji koko mereka itu harganya adalah sangat jauh berbeza dengan hasil-hasil biji koko yang diusahakan oleh ladang-ladang yang besar di dalam kawasan saya.

Jadi saya sangat berharap terutama sekali FAMA, MARDI dan juga Jabatan Pertanian iaitu agensi-agensi yang di bawah Kementerian Pertanian agar dapat disatupadukan, diselaraskan dan dapat bersama-sama memikirkan masalah bagaimanakah

caranya supaya mutu pengeluaran koko pekebum-pekebum kecil itu dapat kita tingkatkan dari semasa ke semasa. Maka dengan itu akan menjamin pendapatan mereka sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan kita untuk membasmi kemiskinan dan mempertingkatkan pendapatan penduduk-penduduk di luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh P. 19 muka surat 89, Butiran 2 mengenai Bank Pertanian Malaysia.

Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Pertanian oleh kerana telah membuat satu dasar baru di mana Bank Pertanian akan memberi satu nafas baru di mana Bank ini benar-benar untuk memainkan peranan dari segi membantu petani-petani di luar bandar, khasnya petani-petani kecil suara-suara telah banyak disuarakan supaya ditubuhkan suatu bank tanah, tetapi bank tanah sehingga hari ini belum lagi dilaksanakan. Saya berpendapat bahawa Bank Pertanianlah yang merupakan satu bank tanah, ertinya bank yang memainkan peranan untuk memajukan tanah, terutama tanah-tanah bumiputera di luar bandar di mana penduduk luar bandar mempunyai tanah-tanah untuk mengusahakan tanah-tanah mereka itu bagi dimajukan.

Umpamanya, mengubah tanaman getah kepada tanaman kelapa sawit ataupun tanah-tanah mereka yang terbiar untuk dimajukan tidak lain dan tidak bukan tumpuan mereka adalah kepada Bank Pertanian. Dan saya berharap Bank Pertanian ini dijaga dengan baik, oleh kerana ia merupakan Bank Bumiputra dan kepunyaan bumiputera dan juga Bank Pertanian yang dikhususkan kepada pembantuan untuk petani-petani khasnya penduduk luar bandar, maka saya berharap kemajuan-kemajuan

yang telah didapati oleh Bank Pertanian yang begitu baik haraplah dijaga, ditakuti pula ada pula golongan-golongan yang ingin untuk menghancurkan pula prestasi kebaikan Bank Pertanian itu.

Tuan Pengerusi, saya masuk ke P. 19, muka surat 90 mengenai Butiran 7, iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang.

Lembaga Pertubuhan Peladang telah memainkan peranan yang begitu penting untuk kepentingan petani-petani dan saya menyokong penuh dasar yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian di mana mengenai subsidi baja untuk petani-petani sebanyak \$100 juta diuntukkan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang. Dasar ini adalah sangat dialu-alukan supaya baja-baja tersebut benar-benar sampai dan terus ke matlamat yang dicita-citakan. Tetapi, apa yang saya difahamkan, saya harap pihak Menteri dapat mengkaji perkara ini. Kita berkehendakkan Lembaga-lembaga Pertubuhan Peladang sama ada di peringkat negeri ataupun daerah ataupun kawasan untuk maju dalam membantu petani-petani. Tetapi sehingga hari ini saya difahamkan sebanyak \$1 juta lebih komisen untuk Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Perak sahaja belum lagi dibayar oleh Kementerian Pertanian kepada Lembaga Pertubuhan Peladang negeri Perak dan barangkali juga kepada Lembaga Pertubuhan Peladang negeri-negeri yang lain.

Ini adalah suatu perkara yang penting supaya segera dibayar kepada Lembaga Pertubuhan negeri dan kawasan kerana dengan wang tersebut, Lembaga Pertubuhan Peladang kawasan dan negeri akan dapat membuat aktiviti-aktiviti untuk membantu petani-petani di dalam kawasan mereka itu masing-masing.

Saya rasa, Tuan Pengerusi, untuk akhirnya, oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya ingin menyentuh kepada Butiran P. 19 juga iaitu perkara 30—Rancangan Pembangunan Pekebun Kecil Kelapa. Oleh kerana kelapa bukan sahaja di dalam kawasan saya tetapi juga di dalam kawasan-kawasan lain di dalam negara Malaysia ini, saya berterima kasih kepada Kementerian Pertanian yang telah memperuntukkan walaupun anggarannya sebanyak \$86 juta diluluskan \$54 juta lebih. Ini merupakan suatu pandangan serius Kerajaan atau Kementerian Pertanian kepada nasib pekebun-pekebun kecil kelapa. Oleh kerana bilangan mereka itu bukanlah juga kecil sebagai warganegara di dalam Malaysia ini, perlu diberikan bantuan dan penggalakan supaya industri kelapa ini tidak dibiarkan begitu sahaja kerana kelapa juga merupakan suatu perkara yang amat penting bagi mata pencarian pekebun-pekebun kecil kelapa.

Saya dalam saranan, dalam membentangkan sokongan saya dalam Belanjawan yang telah sudah telah merayu supaya diadakan industri-industri kecil di luar-luar bandar yang berasaskan kelapa. Saya rasa dengan pelaksanaan industri kecil yang berasaskan kelapa ini suatu masalah penghijrahan belia-belia di luar bandar yang ramai sekali telah pergi ke bandar kerana tidak mendapat pekerjaan di luar bandar, dengan adanya industri kecil yang berasaskan kelapa ini, saya rasa mereka akan dapat tinggal tetap di kampung-kampung mereka itu sendiri untuk mendapat pekerjaan daripada industri-industri kecil yang berasaskan kelapa seperti yang saya cadangkan.

Maka dengan ini, Tuan Pengerusi, saya dengan sepenuhnya menyokong peruntukan Belanjawan bagi Kementerian Pertanian.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Pertanian menjawab dan menggolong perbincangan.

4.35 ptg.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh atau membangkitkan persoalan mengenai perbelanjaan Kementerian Pertanian.

Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh, menyentuh tentang rancangan Taliair Endau yang belum dilaksanakan oleh kerana masalah peruntukan. Walau bagaimanapun, di kawasan sawah Endau, seluas 846 hektar, Kerajaan telah pun membelanjakan setakat ini sebanyak \$2.06 juta dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk memperbaiki kemudahan perairan yang sedia ada dan dijangka sehingga akhir tahun 1985, perbelanjaan akan meningkat sehingga \$2.67 juta. Perbelanjaan ini sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum adalah di bawah peruntukan Kepala 98 di bawah Rancangan-rancangan Taliair. Mengenai peruntukan bagi mengorek kuala-kuala sungai, Kementerian sedar bahawa jumlah peruntukan sebanyak \$3 juta tidak memadai sekiranya diambil kira semua kuala-kuala sungai yang perlu diperdalamkan. Tetapi insya Allah, tindakan-tindakan yang akan dibuat oleh Jabatan Parit dan Taliair boleh ditingkatkan untuk cuba mengatasi masalah dan meningkatkan kerja-kerja pengorekan kuala-kuala sungai tersebut.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai baja-baja kimia yang berleluasa yang menurut beliau mengakibatkan tanah menjadi

tidak subur dan beracun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Jabatan Pertanian dan pakar-pakar yang ada di Kementerian telah mencadangkan penggunaan ini berdasarkan kajian yang mendalam dari segi menjamin, insya Allah, kesuburan tanah dan dari segi kandungan zat-zat tanaman dan sebab itulah baja-baja kimia ini digunakan. Hasil dari kajian-kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan baja-baja kimia adalah perlu untuk mendapat hasil yang lebih ekonomik dari tanaman-tanaman dan tidak akan memperuntukkan racun kimia di dalam tanaman-tanaman tersebut sepertimana yang ditakuti oleh Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh juga telah membangkitkan mengenai kawasan pembangunan nelayan dan dasar dalam pemilihan sesuatu kawasan tersebut. Sebenarnya pemilihan ini adalah objektif berdasarkan infrastruktur yang sedia ada termasuk potensi penambahan peluang pekerjaan. Walau bagaimanapun, pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu dapatlah kita pertimbangkan untuk masa-masa akan datang.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai pencerobohan terhadap nelayan dan mencadangkan supaya Kerajaan mempergiatkan bilangan bot-bot peronda dan pegawai-pegawai penguatkuasa. Bilangan bot-bot peronda dan pegawai-pegawai tentunya ditambah dari masa ke semasa walaupun dalam usaha penguatkuasaan ini tidaklah mudah sepertimana yang difikirkan memandangkan keluasan pantai-pantai di Malaysia ini. Satu pusat penyelarasan penguatkuasaan maritime telah pun ditubuhkan di Pengkalan Tentera Laut Lumut. Dan pusat ini dapat menyelaraskan semua hal ehwal penguatkuasaan di laut wilayah

dan juga Zon Ekonomi Eksklusif. Kita juga harus mengakui kejayaan langkah yang diambil baru-baru ini oleh TUDM, Polis Marin dan Jabatan Perikanan yang diselaraskan dan didapati kegiatan itu berkesan. Beberapa bot asing telah ditangkap dan saya ingin memberi jaminan bahawa sekiranya mahkamah memutuskan mereka itu bersabit dengan kesalahan, kita tidak mungkin menimbangkan untuk memberikan apa-apa kelonggaran dalam bentuk tindakan yang telah diambil.

Ahli Yang Berhormat dari Lumut telah membangkitkan mengenai tindakan oleh pihak penguatkuasa terhadap nelayan-nelayan pukut tunda. Eloklah kita mengambil kesempatan untuk memberi penjelasan bahawa bukanlah maksud kita untuk menyusahkan nelayan-nelayan tetapi peraturan yang dikenakan supaya nelayan-nelayan yang mempunyai pukut tunda tidak menyalahgunakan kemudahan yang ada dan melanggar kawasan yang ditetapkan sehingga mencerooboh kawasan nelayan pantai, mempersulitkan dan dengan hal ini menzalimi kehidupan nelayan-nelayan pantai. Sebab itu pihak Kementerian dan Bahagian Penguatkuasa Jabatan Perikanan tidak mungkin menimbangkan untuk mengambil satu sikap yang ringan atau melonggarkan peraturan dalam tindakan mereka terhadap nelayan-nelayan pukut tunda atau jenis-jenis pukut yang besar yang dibenarkan, diizinkan untuk mencari nafkah hidup tetapi tidak mungkin kita bertolak ansur sekiranya kepentingan mereka ini mengakibatkan kesusahan dan penganiayaan terhadap nelayan-nelayan kecil dan nelayan-nelayan pantai.

Mengenai bilangan permohonan yang begitu banyak sekali yang sedang ditimbang atau belum dapat diterima atau ditolak oleh pihak

Kementerian—Jabatan Perikanan, eloklah saya jelaskan bahawa tidak mungkin kita meluluskan semua pemohon-pemohon tetapi insya Allah kita akan dapat memberi pertimbangan yang sewajarnya dan bagi pemohon-pemohon yang layak dan wajar akan dipertimbangkan.

Mengenai kes PKFA 3656 yang didenda \$11,200 pada tahun 1981 dan 1982, pihak Dewan ini telah pun diberi penjelasan beberapa tahun yang lalu dan saya fikir tidaklah perlu saya memberikan penjelasan tambahan.

Mengenai nelayan Pangkor yang mengalami kemerosotan hasil tangkapan ikan oleh itu kononnya terpaksa menjelajah ke negeri-negeri lain termasuk Pulau Pinang—negeri saya dan juga negeri Kedah. Sekiranya ini berlaku tentunya kita terpaksa mengambil tindakan kerana melanggar kawasan yang telah ditetapkan dan nelayan-nelayan di negeri tersebut membuat bantahan, jadi kita terpaksa mengawasi, mengawal kepentingan semua nelayan-nelayan dengan menetapkan kawasan-kawasan tertentu dan tidak bolehlah memberikan keutamaan khusus kepada nelayan-nelayan tertentu.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Lumut tentang pembangunan jangka panjang perikanan, kita terima baik dan kajian telah pun dijalankan termasuk kajian mengenai sumber kehidupan laut yang ada supaya dapat dipertimbangkan jumlah lesen yang boleh dikeluarkan agar kepentingan nelayan kini, kepentingan negara dari segi kehidupan sumber laut serta kepentingan nelayan dan negara masa depan dapat dipertahankan.

Mengenai cadangan beliau tentang ternakan ikan di kawasan bekas lombong, langkah-langkah akan diambil oleh Jabatan Perikanan dan

juga Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Silam membangkitkan masalah kegunaan racun makhluk perosak dan kemungkinan bahaya yang boleh dihadapi oleh pengguna. Pihak Kementerian memang memandang serius tentang perkara ini kerana walaupun racun-racun makhluk perosak ini baik untuk kegunaan petani-petani dalam menghadapi serangga dan jenis makluk perosak yang lain tetapi ia boleh merosakkan makhluk manusia. Oleh yang demikian, beberapa langkah penerangan telah ditingkatkan dalam pelbagai jenis tulisan termasuk tulisan Jawi kepada petani-petani. Kursus-kursus dan penerangan telah dibuat tentang peraturan-peraturan yang mesti dipatuhi oleh petani-petani supaya menjamin keselamatan mereka dan keluarga mereka. Kerajaan juga telah mengadakan Akta Racun Makhluk Perosak dengan tujuan untuk menerangkan, menilai, menimbang dan memastikan bahawa racun-racun ini tidak akan memudaratkan manusia.

Yang Berhormat dari Silam juga telah membangkitkan soal penguatkuasaan dan pihak Kementerian telah pun menjelaskan bahawa penguatkuasaan telah pun ditingkatkan dan baharu-baharu ini kita rasa bersyukur kerana kerjasama di antara polis, tentera laut dan Jabatan Perikanan telah menunjukkan kejayaan yang menggalakkan.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching menyentuh tentang masalah kemiskinan dikalangan petani-petani dan saya menyambut baik perasaan dan minat keperihatian dan concern beliau terhadap masalah tersebut. Dan saya ingin memberi jaminan bahawa apa sahaja yang mungkin, telah dan sedang insya Allah akan terus dilakukan bagi menjamin dan

membela nasib petani-petani dan nelayan-nelayan. Tetapi eloklah kita akui dengan ikhlas dan terus terang bahawa langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dikalangan petani-petani tidaklah mudah dan tentunya akan mengambil masa dan sekiranya Ahli-ahli seperti Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching tidak mempersulitkan, saya percaya langkah-langkah ini akan lebih mudah lagi.

Beliau juga telah membangkitkan soal keberkesanan penggunaan racun makhluk perosak dan ingin saya memberi jaminan bahawa segala tindakan yang mungkin bagi mengawal keselamatan sepertimana telah saya jamin akan terus dilakukan.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching nampaknya mengkritik sedikit sebanyak rancangan pemberian subsidi kerana ini tidak akan membantu merubah pemikiran petani. Saya agak terkejut juga kerana dari kalangan orang yang progresif sepertimana telah mengkritik satu usaha yang begitu penting sekali untuk membela nasib kaum tani. Kita belum pernah dengar mana-mana negara di dunia yang tidak memberi bantuan khas—pertolongan khas termasuk subsidi untuk petani-petani. Yang perlu kita tekankan ialah corak pemberian subsidi itu supaya tidak menekankan dan mengakibatkan petani-petani itu sentiasa bergantung kepada subsidi, tetapi bantuan-bantuan khas tenikal, baja, kemudahan-kemudahan asas dan pengembangan tetap akan terus diberikan dan akan ditingkatkan untuk faedah dan kepentingan petani.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh tentang cadangan mengadakan program pemuliharaan tanah-tanah tani melalui koperasi tani dan juga program tindakan secara mini estet. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum inilah yang

menjadi keutamaan dan menjadi strategi dalam Dasar Pertanian Negara Kerajaan hari ini.

Ahli Yang Berhormat juga menyentuh tentang sikap orang politik dan pegawai. Saya tentunya menyokong pandangan beliau, semua orang politik termasuk Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching haruslah mengambil satu sikap yang positif untuk menjamin kepesatan pembangunan dan kemajuan golongan petani. Beliau tidak menyebut apakah mental block pegawai-pegawai Kerajaan yang katanya mesti dirubah. Saya bersetuju bahawa ada kalangan pegawai-pegawai tertentu yang mengambil satu sikap birokratik atau kurang simpati terhadap nasib petani-petani. Tetapi janganlah kita ambil dua tiga kerat pegawai-pegawai ini sebagai mewakili pandangan ribuan pegawai-pegawai lain yang menunjukkan dedikasi Kerajinan dan perasaan tanggungjawab mereka untuk bekerjasama dengan kita untuk membela nasib petani.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang menyentuh tentang kegiatan FAMA yang belum begitu berkesan dalam tindakan mereka di peringkat Daerah. Saya menerima baik teguran itu kerana FAMA sendiri sedar bahawa tindakan-tindakan setakat ini belumlah cukup memuaskan dan tindakan-tindakan susulan perlu diambil dan kegiatan mereka harus diperluas, diperhebatkan dengan kerjasama Lembaga Pertubuhan Peladang dan Pertubuhan Peladang Kawasan.

Satu strategi yang lebih komprehensif sedang disusun supaya memastikan kesemua jenis sayuran dan pengeluaran hasil pertanian dan tanaman petani-petani diambil kira dalam membantu petani-petani, juga di dalam memperbaiki infrastruktur pemasaran sayuran itu.

Saya berterima kasih kerana Yang Berhormat menyentuh soal penyelewengan baja oleh petani dan wakil-wakil pembahagi baja. Saya akan mengucapkan terima kasih lagi kalau nama-nama mereka boleh dikemukakan kerana bagi petani-petani yang didapati menyelewengkan pembahagian bantuan baja dan kepada wakil-wakil pembahagi baja yang didapati bersalah, tentunya tindakan akan diambil. Kepada petani-petani yang didapati menyeleweng, tidak akan kita berikan lagi apa bentuk bantuan oleh pihak Kementerian. Kepada wakil-wakil pembahagi yang menyeleweng, tindakan tentunya akan diambil tetapi kita memerlukan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memberikan data-data dan keterangan-keterangan yang lebih lengkap.

Tentang penyelidikan, saya ingin menjelaskan bahawa MARDI telah pun memberikan beberapa garis panduan dan tindakan untuk memungkinkan tanaman pertanian di kawasan tanah-tanah gambut (peat soil) disesuaikan, tetapi bukanlah suatu perkara yang mudah kerana Allah Taala menjadikan tanah dalam berbagai bentuk dan berbagai kualiti—ada yang subur, ada yang kurang subur. Yang boleh kita lakukan ialah tambahkan ikhtiar. Dalam kajian hasil penyelidikan nampaknya beberapa jenis sayuran, nenas, ubi kayu, kopi boleh ditanam di kawasan gambut dan beberapa percubaan telah pun dibuat di beberapa tempat.

Mengenai extension atau pengembangan, kita bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Tanjung Karang, tidak ada makna penyelidikan yang dibuat secara berkesan sekiranya pengembangan pemindahan teknologi ke kawasan-kawasan kampung petani tidak begitu berkesan. Oleh yang demikian pihak MARDI telah pun diminta untuk

memperluaskan skop kegiatan mereka dan berjalan seiring dengan bahagian pengembangan Jabatan Pertanian untuk memastikan bahawa semua hasil penyelidikan dapat dinikmati oleh semaksimum jumlah petani yang mungkin.

Yang Berhormat dari Tanjung Karang membangkitkan juga tentang masalah pukut tunda haram yang mengancam nelayan-nelayan pantai dan nelayan-nelayan berlesen. Saya telah menyebut bahawa tindakan tentunya akan diambil, lebih-lebih lagi sekiranya kawasan yang diusahakan oleh nelayan tersebut itu menyentuh kepentingan nelayan-nelayan pantai yang kita anggap miskin dan Bahagian Penguatkuasa Jabatan Perikanan mempunyai tugas khas dan diberitahu khusus untuk membela kepentingan dan nasib nelayan-nelayan pantai dan nelayan-nelayan yang miskin. Tetapi dalam bidang penguatkuasaan tentunya kita akan lebih berhati-hati dan mengambil kira faktor-faktor kemanusiaan dan bertimbang rasa terhadap mereka yang bersalah dan hanya kepada golongan yang sabit kesalahannya itu besar dan menyentuh kepentingan nelayan-nelayan lain, barulah tindakan akan diambil.

Tentang tuduhan rasuah dan cadangan untuk mengelak rasuah di kalangan pegawai-pegawai, saya ambil satu sikap terbuka. Sekiranya ada bukti, kalau ada keterangan, kita tidak akan teragak-agak dan kita tidak mahu memberikan jaminan di Dewan yang mulia ini sekiranya kita tidak benar-benar percaya bahawa jentera pentadbiran Kerajaan yang rasuah mesti dibanteras dengan penuh kekuatan yang ada.

Mengenai kuota lesen untuk bumiputera, kita telah pun mengarahkan Jabatan yang berkenaan supaya menimbang untuk memberikan keutamaan kepada pihak bumiputera kerana kita akui bahawa

lesen-lesen penangkapan ikan di kalangan bumiputera sangatlah sedikit jika dibandingkan dengan kalangan yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok menyentuh tentang Projek Bersepadu dan meminta kalau boleh, Projek Barat Laut Selangor diperluaskan ke Bagan Datok. Sekarang ini pun ada sebahagian kecil daripada sempadan Bagan Datok yang termasuk dalam kawasan Barat Laut Selangor itu. Tetapi saya telah pun memberi jaminan kepada petani-petani bahawa kita akan mengemukakan pandangan ini untuk pertimbangan Kementerian dan agensi-agensi lain yang terlibat supaya kalau mungkin dapat diperluaskan sedikit supaya petani-petani di Bagan Datok akan mendapat manfaat.

Saya inginlah menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pihak Jabatan Parit dan Taliair telah pun menumpukan perhatian yang berat dan bersungguh-sungguh untuk memperbaiki ban-ban yang rosak di pantai Bagan Datok itu. Tetapi tahulah Bagan Datok itu pantainya panjang dan Bagan Datok itu di kawasan yang agak lebih rendah daripada paras laut dan ombaknya pun laju, deras, entah berapa dia punya speed per hour. Oleh yang demikian kadang-kadang air laut itu dengan derasnya dan tidak dapat Ahli Yang Berhormat menahan di situ

Tuan Pengerusi: Tidak boleh surfing, Yang Berhormat?

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tidak boleh, Tuan Pengerusi (*Ketawa*). Oleh yang demikian dia melimpah masuk ke kawasan tanah subur kelapa, koko dan kopi di Bagan Datok. Saya rasa penuh bersimpati, sebab itulah kita telah meminta supaya JPT segera buat apa sahaja yang mungkin dengan kerjasama badan-badan lain untuk menahan sedapat

yang mungkin. Tetapi ombak ini kadang-kadang tidak boleh tentu, kadang-kadang dia terlalu tinggi, jadi dalam tahan-tahan itu pun pecah juga ban batu. Sekarang ini untuk langkah segera beberapa ban batu yang pecah itu akan segera diperbaiki, tetapi untuk membuat ban batu sepanjang kawasan Bagan Datok itu belum dapat kita lakukan dalam masa yang singkat kerana jumlahnya terlalu besar untuk kita selesaikan segera. Tetapi beberapa langkah untuk membantu petani-petani terlibat termasuk gantirugi untuk memperbaikinya telah pun diambil dan pihak Jabatan Pertanian, Jabatan Parit dan Taliair dan semua agensi-agensi Kerajaan yang terlibat, akan memberikan perhatian khusus untuk membantu petani-petani berkenaan supaya tidak menanggung terlalu banyak kerugian.

Tentang mutu pengeluaran biji koko dan hubungannya dengan FAMA, saya telah berdialog dengan petani-petani Bagan Datok. Saya juga telah pun mengemukakan perkara ini dan masalah biji koko yang kurang bermutu ini bukanlah masalah Jabatan sangat, kerana bila harga koko dahulu terlalu tinggi, orang Bagan Datok menderu-deru pergi membeli benih-benih dan menanam koko, dia tidak kira kualiti lagi kerana pada masa itu harganya baik. Sekarang kita dapati bahawa beberapa mutu (quality) biji koko itu terlalu rendah, jadi pihak MARDI, pihak pengembangan Jabatan Pertanian berusaha sekarang untuk menggantikan di beberapa kawasan-kawasan tersebut dengan benih-benih baru. Baka baru sedang pun disegerakan dan ada kejayaan dalam hasil tetapi untuk sekarang saya fikir tidak ada apa yang boleh dibuat dengan pengeluaran sekarang, cuma insya Allah, dalam masa setahun kita akan lihat satu kemajuan dalam gred dan mutu koko tersebut.

Saya mengambil perhatian nasihat Ahli Yang Berhormat mengenai

prestasi Bank Pertanian Malaysia supaya dikawal dengan baik, supaya cekap, bersih dan pegawai-pegawainya menjalankan tugas untuk memenuhi tujuan asal Bank itu ditubuhkan. Begitu juga tentang Lembaga Pertubuhan Peladang, tentang subsidi baja melalui Konsortium Peladang dan ini satu perkara yang insya Allah kita akan tingkatkan. Tetapi soal komisyen yang belum dibayar oleh Kementerian kepada LPP Perak, itu akan kita kaji, teliti dan kalau tidak bayar kita akan bayar segera, insya Allah. Saya pun tidak faham kalau benar hutang yang berlaku itu, walau bagaimanapun kita akan cuba menyelesaikan segera.

Tentang cadangan rancangan pembangunan pekebun kecil kelapa yang ditanam dengan kelapa dan koko, itu seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sedang dan telah dilakukan dan tentang cadangan untuk mewujudkan lebih banyak industri-industri kecil berasas kelapa, itu boleh dipertimbangkan terutama oleh agensi-agensi di jabatan-jabatan lain di bawah Kementerian Pertanian.

Saya ingin mengucapkan sekali lagi ribuan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran terhadap Belanjawan Kementerian Pertanian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$356,709,100 untuk Maksud B. 19 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$356,709,100 untuk Maksud B. 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$735,329,620 yang disebutkan dalam

Maksud P. 19 dalam Anggaran Pembangunan, 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$735,329,620 untuk Maksud P. 19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

Maksud B. 20 (Jadual)

Maksud P. 20 (Anggaran Pembangunan, 1985)—

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

5.04 ptg.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh beberapa perkara tentang Belanjawan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, yang pertamanya Kepala B. 20, Butiran 3, Program 3.1—Kemajuan Perindustrian pada muka surat 106.

Tuan Pengerusi, pada pandangan saya, kemajuan perindustrian di negara ini masih lagi tidak seimbang di mana terdapat penumpuan kilang-kilang di kawasan-kawasan dan negeri-negeri yang telah maju sementara negeri-negeri yang kurang maju seperti di Pantai Timur masih lagi menghadapi kesukaran untuk menarik pelabur-pelabur, bukan sahaja bagi menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi tetapi yang lebih asas lagi bagi mengatasi pengangguran dan pelbagai masalah lain di negeri-negeri tersebut. Pada pandangan saya ada beberapa faktor yang kurang menarik yang terdapat di negeri-negeri yang kurang maju bagi penempatan kilang-kilang berbanding dengan negeri-negeri yang telah pun maju di dalam bidang ini.

Pertamanya pada pandangan saya, ialah tabiat pelabur itu sendiri. Saya teringat satu kajian telah dijalankan oleh, dengan izin, "The German Development Institute" bertajuk "Industrial Location behaviour of Malaysian and foreign investors, the effectiveness of the Malaysian Decentralisation Policy", telah menunjukkan bahawa pelabur-pelabur adalah memberikan pertimbangan yang sangat penting terhadap faktor "agglomeration", terutamanya dari segi perhubungan perniagaan seperti perhubungan perbekalan, perkhidmatan, sokongan, pasaran dan lain-lain, bila mereka memilih penempatan bagi kilang-kilang mereka.

Keduanya ialah tentang Dasar Insentif Kerajaan. Dasar Insentif Kerajaan yang dipakai pada masa ini termasuk skim locational incentive tidak dapat mengatasi dengan berkesan locational disadvantages yang dihadapi oleh negeri-negeri kurang maju berbanding dengan locational advantages yang terdapat di negeri-negeri yang maju. Lagi pun skim locational incentive yang dipakai pada masa ini adalah meliputi keseluruhan kawasan-kawasan yang sangat luas dan terlalu banyak negeri-negeri sedangkan negeri-negeri tersebut adalah berbeza-beza taraf kemundurannya, terutamanya dari segi pelaburan, kos pengeluaran dan jualan serta kemudahan-kemudahan asas.

Ketiganya ialah masalah pengangkutan. Ini adalah salah satu faktor penentu utama di dalam keputusan penempatan kilang-kilang. Faktor ini meliputi bukan sahaja kos daripada segi jarak tetapi juga kuantiti barang-barang yang boleh diangkut, keselamatan barang-barang, masa dan kesempurnaan perkhidmatan pengangkutan.

Keempatnya ialah masalah infrastruktur dan tenaga pekerja. Ini termasuk kekurangan dan masalah pembekalan infrastruktur seperti perbekalan elektrik, air, telefon dan perkhidmatan telex, kekurangan tenaga pekerja mahir dan separuh mahir, kekurangan kemudahan latihan dan perbezaan daya pengeluaran dan sikap pekerja-pekerja yang dianggap belum terdedah dengan pekerjaan di kilang-kilang.

Tuan Pengerusi, berdasarkan kepada masalah-masalah ini, saya berpendapat bagi membantu negeri-negeri yang kurang maju memesatkan pembangunan perindustrian dengan menarik lebih ramai pelabur-pelabur, Kerajaan Pusat perlulah mengkaji balik skim insentif yang ada, dengan mengadakan satu skim insentif yang bertujuan untuk mewujudkan keadaan-keadaan yang lebih menarik dan kondusif lagi bagi mengesimbangkan atau mengatasi faktor-faktor disincentive yang terdapat di negeri-negeri yang kurang maju itu.

Skim-skim insentif ini hendaklah mempunyai kesan bagi mengesimbangkan atau mengurangkan kos pengeluaran atau meningkatkan kadar keuntungan sebagai ganjaran terhadap faktor-faktor kesulitan atau risiko yang dihadapi oleh pelabur-pelabur yang menempatkan kilang-kilang mereka di negeri-negeri yang mundur itu. Dengan itu taraf persaingan negeri-negeri yang paling mundur dapatlah ditingkatkan supaya mereka dapat bersaing dengan negeri-negeri yang lebih maju dan dengan hal yang demikian itu berkongsi peluang-peluang untuk memajukan negeri-negeri yang berkenaan berbanding dengan negeri-negeri yang telah pun maju.

Untuk mewujudkan skim insentif yang lebih berkesan bagi negeri-negeri

yang mundur ini, saya adalah mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji semula pengkelasan negeri-negeri mundur, perindustrian di negara ini dan diberi galakan penempatan yang lebih besar terhadap negeri-negeri yang paling mundur itu.

Di antara galakan-galakan yang patut dikenakan bagi membantu negeri-negeri ini adalah seperti berikut yang suka saya cadangkan, kalaulah sudi dipertimbangkan oleh pihak Kementerian:

- (1) Saya mencadangkan supaya diadakan satu skim "payroll allowance" di mana satu kadar potongan daripada perbelanjaan gaji syarikat hendaklah diberikan kepada kilang-kilang yang ditempatkan di negeri-negeri yang paling mundur.
- (2) Potongan dua kali ganda bagi kos pengangkutan di mana dua kali ganda perbelanjaan kos pengangkutan langsung bagi kilang-kilang yang ditempatkan di negeri-negeri paling mundur hendaklah layak menerima pelepasan cukai.
- (3) Potongan dua kali ganda perbelanjaan bagi air dan elektrik bagi tujuan pelepasan cukai juga patutlah dipertimbangkan.
- (4) Oleh kerana negeri-negeri kurang maju menghadapi masalah kekurangan tenaga mahir dan separuh mahir serta juga masalah daya pengeluaran yang rendah, pengurusan perlulah dibantu di dalam usaha-usaha melatih dan program-program latihan mereka dan bagi tujuan ini, kilang-kilang patutlah diberikan satu kadar potongan di atas perbelanjaan latihan mereka bagi tujuan pelepasan cukai.

Tuan Pengerusi, saya mendapat tahu bahawa pihak Kementerian telah pun mengambil langkah-langkah untuk mengkaji semula Scheme Locational Incentive yang ada sekarang dengan tujuan untuk memperbaiki lagi insentif-insentif bagi menggalakkan penempatan kilang-kilang di negeri-negeri kurang maju, tetapi dukacitanya setakat pengetahuan saya penyemakan ini belumlah lagi dapat diputuskan dan dihasilkan. Saya berharaplah supaya perhatian yang bersungguh-sungguh dapat diberikan oleh pihak Kementerian supaya Scheme Locational Incentive yang baru, yang telah dikaji semula itu akan dapat diguna pakai untuk tujuan, faedah dan manfaat negeri-negeri yang kurang maju.

Tuan Pengerusi, saya berubah kepada Kepala B. 20, Butiran 4, Program 4.1—Unit Penguatkuasaan juga muka surat 106.

Masalah yang hendak saya bangkitkan ialah berhubung dengan masalah kekurangan bahan-bahan binaan utama yang sering berlaku di dalam negara kita ini. Di negara ini kekurangan bahan-bahan tersebut sering berlaku setiap kali pekilang-pekilang hendak mendapatkan kenaikan harga, walau apa pun sebab-sebab yang diberikan oleh mereka. Perkara-perkara begini adalah mendatangkan masalah kepada negeri-negeri dan kepada kontraktor-kontraktor serta pengguna-pengguna seringkali kita menghadapi masalah kekurangan bekalan simen dan ini mendatangkan masalah bagi pembangunan terutama kontraktor-kontraktor bumiputera. Pegawai-pegawai Penguatkuasaan memang menumpukan perhatian mereka kepada pengedar-pengedar tempatan bagi menyasiat sebarang amalan yang curang, tetapi penguatkuasaan ini seringkali pula didapati kurang berkesan.

Saya berpendapat Tuan Pengerusi, masalah sebenarnya kekurangan simen adalah disebabkan beberapa faktor:

Yang pertamanya, ialah berhubung dengan masalah pengangkutan. Berhubung dengan perkara ini saya berpendapat kadar tambang yang ditetapkan oleh pihak kilang untuk pengangkutan adalah agak begitu rendah dan ini didapati kurang ekonomik oleh pengusaha-pengusaha pengangkutan terutamanya pengangkutan ke negeri-negeri Pantai Timur. Pengusaha-pengusaha pengangkutan juga menghadapi masalah dengan pihak kilang di mana mereka terpaksa menunggu pada satu kadar masa yang lama, kadang-kadang berhari-hari sebelum mereka mendapat giliran, dan ini menambah buruk lagi keadaan. Masalah ini perlu diambil perhatian oleh pihak berkuasa Kementerian dan saya mencadangkan supaya pihak penguatkuasa Kementerian akan mengambil juga peranan ini sebagai peranan pihak yang tersebut dan memberikan perhatian yang berat terhadap masalah ini.

Tuan Pengerusi: Di mana yang lori tunggu berhari-hari?

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Di mana yang lori tunggu berhari-hari sebelum ini?

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Di kilang, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kilang di mana itu?

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Perlukah saya sebutnya?

Tuan Pengerusi: Teruskan.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tetapi bukan di Perlis, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, keduanya saya berpendapat masalah kekurangan simen ini adalah disebabkan oleh sekatan import simen daripada Singapura dan lain-lain negara yang telah beberapa kali dibuat oleh Kerajaan, yang telah menyebabkan berlaku kekurangan simen di negeri-negeri tertentu. Oleh kerana simen-simen tempatan terpaksa ditumpukan kepada negeri-negeri tertentu yang lain terutamanya negeri-negeri di Pantai Barat, dan oleh kerana pengangkutan ke negeri-negeri di Pantai Barat adalah lebih ekonomik dan menguntungkan, pengusaha-pengusaha lori lebih suka menghantar simen ke negeri-negeri yang berkenaan di Pantai Barat dan mereka tidak begitu suka untuk menghantar simen ke negeri-negeri di Pantai Timur.

Saya faham bahawa sekatan import simen adalah dibuat demi untuk menjaga kepentingan kilang-kilang simen di dalam negeri, tetapi yang ingin saya bangkitkan ialah bahawa kita patutlah memastikan bahawa langkah-langkah ini janganlah sampai menimbulkan masalah-masalah di dalam negara pula.

Ketiganya, Tuan Pengerusi, berhubung dengan masalah pembekalan simen, saya suka menyebut satu dua perkara yang khusus berhubung dengan negeri Terengganu. Simen-simen dan besi bagi keperluan negeri Terengganu adalah didapati juga diedar oleh pengedar-pengedar yang datangnya luar daripada negeri Terengganu. Ertinya tidak semua simen-simen dan besi, bekalan bahan-bahan binaan yang utama ini diedarkan oleh pengedar-pengedar yang bertempat di dalam negeri Terengganu. Dan masalahnya ialah sekiranya berlaku

kekurangan perbekalan di seluruh negara, pengedar-pengedar luar tersebut mendapati lebih untung dan lebih senang membekalkan keperluan-keperluan di luar daripada negeri Terengganu di mana mereka menempatkan perniagaan mereka. Dengan hal yang demikian itu, ini telah menimbulkan banyak masalah dan kekurangan bahan-bahan tersebut pada masa-masa krisis di negeri Terengganu. Dan dengan hal yang demikian itu juga saya mencadangkan supaya bekalan-bekalan simen dan besi bagi keperluan negeri-negeri hendaklah dipastikan melalui kuatkuasaan diedarkan oleh pengedar-pengedar dalam negeri-negeri yang berkenaan sahaja dan kuota bagi tiap-tiap negeri dipastikan tidak dijual di negeri-negeri yang lain.

Tuan Pengerusi, pada pandangan saya juga struktur harga simen adalah kurang ekonomik bagi negeri Terengganu. Sungguhpun saya tidak tahu bagaimana halnya dalam perkara ini di negeri-negeri yang lain. Sebagai contoh bagi angka yang saya perolehi untuk harga simen tahun 1983, harga kawalan runcit simen ialah pada kadar \$9.60 satu bag, harga kos pengedar-pengedar ialah \$9.30 satu bag, jika ditolak kos memunggah sebanyak 15 sen, kadar keuntungan sebag adalah sebanyak 15 sen iaitu 1.5% sahaja tidak termasuk kos simpanan (cost storage), dengan izin, kerosakan yang memang berlaku dan banyak berlaku dan juga kos kewangan. Dengan hal yang demikian itu penjualan simen di Terengganu adalah tidak menarik dan saya mendapat rungutan daripada ramai pengedar-pengedar simen tentang perkara ini. Oleh itu saya adalah mengesyorkan kalau sekiranya perkara ini benar supaya masalah-masalah struktur harga ini, masalah pengangkutan, pengedaran dan struktur harga simen bagi negeri Terengganu patutlah dikaji semula dan diberikan perhatian yang berat.

Bagi negeri-negeri yang lain, yang sentiasa menghadapi masalah yang sama seperti negeri Kelantan dan juga negeri-negeri yang lainnya, saya berharap juga dan bercakap bagi pihak mereka supaya dapat diberikan perhatian yang berat.

Sekian, Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.19 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya tidak bercadang hendak bercakap panjang, tetapi saya suka mengambil kesempatan ini untuk menghuraikan dua perkara dalam perbahasan saya atas Anggaran Perbelanjaan untuk Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Yang pertama, suka saya menarik perhatian kepada muka surat 107, Maksud B. 20, Butiran No. 7 mengenai Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia, saya mendapati bahawa sejumlah \$20.7 juta dicadangkan sebagai Belanja Mengurus untuk tahun 1985 berbanding \$19.5 juta yang diperuntukkan bagi tahun 1984. Walaupun terdapat pertambahan dalam peruntukan, tetapi saya berpendapat bahawa sejumlah \$20.7 juta ini tidaklah mencukupi bagi Perbadanan Kemajuan Pelancongan untuk menggalakkan pelancongan.

Tuan Pengerusi, Perbadanan Kemajuan Pelancongan ialah satu badan yang menjadi milik Kerajaan yang dipertanggungjawabkan membuat pemasaran dan menggalak

atau meningkatkan Malaysia sebagai satu tempat sasaran pelancongan, tetapi dalam tahun-tahun yang lalu ianya telah menghalang akibat kekurangan peruntukan yang menyebabkan liputan tidak dapat diberikan untuk ke seluruh negara dan terpaksa bergantung kepada badan-badan Kerajaan yang lain dan juga bergantung kepada sektor swasta untuk memberi bantuan tambahan. Seharusnya mestilah terdapat perimbangan cukai-cukai Kerajaan yang dikenakan ke atas pelanggan-pelanggan hotel dengan jumlah peruntukan pemasaran bagi Perbadanan Kemajuan Pelancongan. Pada masa di mana terdapat keperluan untuk menggandakan usaha-usaha untuk menarik lebih ramai kemasukan pelancong memandangkan tambahan persaingan adalah perlu untuk menambah peruntukan galakan untuk Perbadanan Kemajuan Pelancongan ini.

Berhubung dengan perkara galakan pelancongan, saya suka mengambil peluang ini untuk menggesa Kerajaan supaya memberi perhatian serius dan memberi keutamaan yang lebih kepada pembangunan industri pelancongan sebagai satu cara untuk mengurangi defisit tak ketara atau "invisible deficit", dengan izin. Defisit tak ketara kita telah mencapai peringkat yang serius. Defisit tak ketara ini telah bertambah dari hanya \$1 ribu juta pada 10 tahun lalu kepada \$8.3 ribu juta pada tahun lalu dan dijangka meningkat menjadi \$9.5 ribu juta pada tahun ini. Sebagai kita mengakui hakikat bahawa galakan pelancongan adalah satu jalan ataupun satu cara yang wajar untuk mengurangi defisit tak ketara ini adalah perlu bagi Kerajaan mengambil daya usaha untuk mencari strategi baru yang boleh menjadi satu galakan besar-besaran kepada industri pelancongan kita dan menjadikannya punca hasil pertukaran wang asing yang utama untuk negara Malaysia.

Tuan Pengerusi, apa yang perlu sekarang ialah membuat usaha sedaya upaya untuk meletakkan industri pelancongan di atas kedudukan yang betul. Dalam hubungan ini, Kerajaan hendaklah memberi keutamaan kepada galakan pelancongan dalam bentuk peruntukan wang. Sehingga sekarang nampaknya Kerajaan tidak memberi apa-apa galakan pelancongan sebagai satu perkara yang utama. Tanpa diragukan bahawa rakyat Malaysia membelanjakan banyak wang untuk melancong ke luar-luar negeri daripada orang-orang asing yang datang melancong ke Malaysia.

Dalam bidang perjalanan sahaja rakyat Malaysia telah membelanjakan \$2,105 juta kerana perjalanan ke luar negeri, sementara pelawat-pelawat asing membelanjakan lebih kurang \$1,230 juta dan ini menjadikan Malaysia mengalami defisit sebanyak \$857 juta berbanding dengan hanya \$155 juta pada tahun 1966. Pelancongan sekarang dilihat sebagai satu cara yang baik untuk mengurangi defisit. Apa yang perlu dilakukan ialah menggunakan satu strategi yang berkesan untuk menggalak lebih ramai pelancong asing melawat Malaysia dan menarik lebih ramai rakyat Malaysia menghabiskan cuti mereka di Malaysia.

Satu lagi langkah yang penting bagi Kerajaan dan berbagai agensi untuk menggalak dan mewujudkan sasaran pelancong yang baru dan membangunkan Kuala Lumpur sebagai, dengan izin, "gateway" ke Malaysia yang boleh menjadi satu sasaran pelancong yang terbaik. Kita mengakui bahawa ianya memerlukan modal yang besar untuk melakukan tugas-tugas sedemikian, tetapi faedah ekonomi yang boleh diperolehi oleh negara ini sangatlah besar.

Kita terpaksa mengakui bahawa Malaysia sedang menghadapi

persaingan yang hebat dengan lain-lain negara, seperti Hong Kong, Singapura, Thailand, Jepun dan lain-lain. Negara kita bukanlah satu sasaran pelancong yang sudah "established", dengan izin. Walau bagaimanapun, sektor awam mempunyai satu peranan yang boleh memainkan untuk mewujudkan dan menggalakkan sasaran pelancong sebagai satu cara untuk menarik lebih ramai pelancong untuk melawat Malaysia.

Di antara langkah-langkah yang seharusnya diambil oleh Kerajaan ialah meningkatkan tarikan kebudayaan yang boleh menggambarkan Malaysia sebagai sebuah negara yang benar-benar pelbagai kaum, pelbagai agama dan pelbagai kebudayaan. di Kuala Lumpur misalnya, Tuan Pengerusi, mestilah ada sebuah pusat kebudayaan yang mana pertunjukan kebudayaan boleh dianjurkan oleh pelbagai kumpulan kaum. Saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan boleh mengambil berat tentang hal ini dan mungkin boleh berhubung dengan Kementerian yang lain, misalnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga agensi-agensinya yang lain yang dapat membina sebuah pusat kebudayaan di Kuala Lumpur sebagai satu cara untuk menarik lebih ramai pelancong ke Kuala Lumpur, pelancong-pelancong yang ada minat terhadap berbagai aspek kebudayaan di negara kita.

Mengurangkan kadar bayaran hotel kita ialah satu langkah yang perlu untuk menarik pelancong ke negara ini. Kadar bayaran hotel kita barangkali sangat tinggi di rantau ini. Ini disebabkan oleh kadar bayaran elektrik yang tinggi yang mana hotel kita terpaksa memikulnya. Saya rasa masanya telah sampai bagi Kerajaan supaya mengkelaskan hotel dalam

kategori yang sama sebagai industri pembuatan di mana kadar industri dikenakan untuk kegunaan elektrik. Pada masa ini ia dikenakan bayaran menurut kadar perdagangan atau "commercial rate", dengan izin, dan ini mengakibatkan kadar bayaran bilik yang tinggi.

Satu lagi masalah yang telah dibangkitkan oleh saya semasa perbincangan Belanjawan dan yang membebankan hotel-hotel kita ialah cukai perkhidmatan 10%. Levi cukai perkhidmatan 10% menjadikan kadar bayaran bilik yang tinggi dan harga makanan yang tinggi serta juga minuman di semua hotel. Faktor-faktor ini tidak menggalakkan kepada ejen-ejen pelancong luar negeri, syarikat-syarikat penerbangan dan perancang perjalanan untuk memasarkan Malaysia. Pasaran dalam negeri juga terjejas dengan cukai perkhidmatan 10%. Ini sebagai satu beban ke atas bil-bil makanan.

Sebagai satu gambaran, cukai perkhidmatan di negara jiran yang menjadi sasaran pelancong yang popular adalah seperti berikut: Australia tidak ada cukai yang dikenakan, di Hong Kong 5%, di Malaysia 10%, di Singapura 3%. Kerajaan hendaklah menghapuskan cukai perkhidmatan 10% yang dikenakan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan dengan tujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai sasaran yang "competitive" dalam bentuk harga untuk menarik pelancong. Satu alternatif yang baik ialah mengurangkan kadar cukai dari 10% ke 3% ataupun 5% menjadikan kita boleh menerima persaingan dengan Singapura. Walaupun tindakan ini nampaknya mengurangkan hasil Perbendaharaan, tetapi ianya boleh diperolehi kembali menerusi usaha-usaha lain hasil dari galakan pelancongan.

Berhubung dengan perkara Perbadanan Kemajuan Pelancongan, saya mendapati, Tuan Pengerusi, bahawa di bawah Maksud P. 20 terdapat satu cadangan peruntukan berjumlah \$10 juta untuk Maksud Pembangunan. Saya tidak ketahui apakah yang akan digunakan kepada \$10 juta ini, tetapi ini adalah pada pandangan saya bahawa Perbadanan Kemajuan Pelancongan tidak seharusnya terlibat dalam pembinaan hotel-hotel, chalet atau kompleks rihat bagi Maksud Pembangunan—Destinasi. Ini kerana jika Perbadanan Kemajuan Pelancongan atau malah lain agensi-agensi pembangunan Kerajaan menjadi pemilik hotel dalam kes-kes tertentu pengusaha hotel, hotel-hotel persendirian terpaksa bersaing dengan mereka dan kadar persaingan ini sangat hebat. Apa yang Perbadanan-perbadanan Kemajuan Pelancongan dapat lakukan dengan baik ialah menumpukan usaha dan sumber-sumbernya kepada galakan sasaran pelancongan secara keseluruhan dan bagi maksud ini Kerajaan hendaklah memberikan mereka lebih banyak wang peruntukan.

Tuan Pengerusi, yang akhirnya saya suka merujuk sedikit kepada muka surat 106 di bawah Butiran 4—Perlindungan Pengguna, 4.2 ialah Hal Ehwal Pengguna.

Mengenai perkara Hal Ehwal Pengguna, saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk menggesa Kerajaan supaya memperkenalkan satu Akta Perlindungan Pengguna untuk memberi satu perlindungan yang lebih komprehensif, yang lebih berkesan kepada pengguna-pengguna di negara ini. Cadangan undang-undang ini boleh digubal dengan bantuan Pertubuhan Pengguna yang ada di negara ini.

Walaupun ada berbagai undang-undang di negara ini berhubung

dengan perlindungan pengguna tetapi masanya telah sampai bagi Kerajaan supaya menukarkan semua undang-undang yang berselerak dengan satu undang-undang yang komprehensif dan berkesan untuk menampung ataupun untuk menjaga kepentingan para pengguna.

Dengan ulasan ini saya suka memberi sokongan kepada peruntukan untuk Kementerian ini. Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jerai.

5.32 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah Maksud B. 20, muka surat 105 di bawah Butiran 2.1 Perdagangan Dalam Negeri dan juga Butiran 2.3 Penyertaan Bumiputera.

Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh kepada permohonan bagi Belanjawan di bawah Kementerian ini berhubung dengan tajuk Penyertaan Bumiputera dan Perdagangan Dalam Negeri. Apa yang saya ingin menarik perhatian di sini ialah tentang aktiviti perdagangan dalam negeri yang mana bertujuan untuk memberi perlindungan kepada industri-industri tempatan dan mengadakan kawalan-kawalan eksport import serta juga untuk menentukan harga yang berpatutan dan bekalan kepada dalam negeri dengan mencukupi serta juga untuk mengawasi suasana amalan yang dipraktikkan di dalam bidang perdagangan dan perusahaan ini.

Apa yang menarik perhatian saya ialah bahawa di dalam usaha-usaha untuk mempertingkatkan penyertaan penglibatan bumiputera di dalam bidang perdagangan dalam negeri

ataupun bidang perusahaan yang boleh disertai nampaknya kadangkala masalah yang menjadi sekatannya ialah apabila dikehendaki suatu kemahiran ataupun dikehendaki suatu pengalaman dan ini sudah pastilah bahawa kalangan bumiputera yang ingin menyertai, ingin melibatkan diri di dalam bidang-bidang perusahaan dan perdagangan di dalam negeri khasnya penyertaan yang boleh dilebihi oleh kalangan bumiputera adalah menjadi suatu sekatan, kerana sudah pastilah jika kita berkehendakan pencapaian Dasar Ekonomi Baru di dalam bidang penyertaan bumiputera atas perdagangan dan perusahaan jika dikehendaki sebagai syarat di mana perlu mempunyai pengalaman, perlu mempunyai kebolehan yang tertentu kerana kadang-kadang ini merupakan bidang yang pertama akan diceburi bagi kalangan yang belum ada pengalaman dan kebolehan. Apa yang saya harapkan ialah dengan adanya kemahuan, dengan adanya kesedaran, dengan adanya kemampuan yang dilihat akan dapat membawa kepada kejayaan maka haruslah diberi pertimbangan dan diberi bimbingan untuk dapat usaha-usaha penglibatan dan penyertaan di dalam bidang perusahaan dan penyertaan bumiputera ini boleh diwujudkan dengan lebih banyak dan lebih berkesan kepada kehendak dan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Satu lagi yang saya ingin sentuh di sini ialah di dalam Butiran 3 Penggalakan Perindustrian di dalam muka surat 106, Maksud B. 20 Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Di sini satu lagi yang menarik perhatian saya ialah tentang kemajuan perusahaan-perusahaan kecil. Perusahaan-perusahaan kecil ialah mengikut program dan prestasi yang dicadangkan kepada Belanjawan ini

ialah untuk dapat merancang, menggalak, menyelaraskan pembangunan perusahaan-perusahaan sejajar dengan dasar Kerajaan.

Apa yang saya ingin menarik perhatian di sini ialah tentang penyelidikan-penyelidikan ke arah mewujudkan peluang-peluang penyertaan dan perindustrian-perindustrian kecil. Mungkin adalah merupakan sebagai suatu perkara yang bukan senang, ianya memerlukan kajian-kajian yang tertentu di dalam bidang-bidang yang tertentu dan kesan ataupun hasil penyelidikan-penyelidikan ini kadang-kadangnya agak terbatas kepada maklumat kalangan-kalangan penyertaan bumiputera disebabkan oleh kerana mungkin peluang-peluang ini hanya akan dapat disertai oleh kalangan-kalangan yang telah pun berkeupayaan dan sentiasa mempunyai perhubungan dan perdampingan dengan pegawai-pegawai ataupun pihak-pihak penyelidikan dan perancangan sahaja. Bagi mereka yang mempunyai minat dan ingin mencebur ataupun bersama-sama melibatkan diri di dalam penyertaan yang diharapkan terutama kepada kemajuan perusahaan kecil ini oleh kerana mereka baru dan oleh kerana mereka ini kurang berpengalaman dan kebolehan dan mereka ini juga tidak mempunyai hubungan yang langsung dengan pihak-pihak yang melaksanakannya agak ketinggalan di dalam penyertaan dan bidang-bidang yang seharusnya mereka ikuti.

Selain dari itu mengenai kemajuan industri sumber-sumber asli mungkin juga banyak bidang-bidang lain yang boleh dikaji selidik dan dirancangan supaya wujudnya industri-industri sama ada secara langsung ataupun tidak langsung, maksud saya di segi bahan-bahan pengeluaran sampingan misalnya dan kalau ini juga diberikan perhatian dengan bersungguh-sungguh

dan mewujudkan maklumat-maklumat yang boleh disertai, saya yakin dan percaya akan dapat dipertingkatkan lagi penyertaan dan penglibatan kalangan bumiputera di dalam bidang kemajuan perusahaan kecil dan juga di dalam bidang-bidang perusahaan-perusahaan yang akan dapat didapati daripada sumber-sumber asli yang dapat dikaji selidik ataupun dapat kenyataan maklumat boleh dikembang dan mendapat pasaran yang akan membawa kepada jaminan.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong di atas peruntukan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

5.38 *ptg.*

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 20, Butiran 7, Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia di mana \$19 juta akan diperuntukan untuk menggalakkan perindustrian pelancongan.

Saya ingin sebutkan satu perkara yang spesifik di mana di negeri Sarawak ada satu kawasan namanya "Usun Apau" dan Kerajaan Negeri Sarawak telah memperuntukkan suatu tanah beratus-ratus ekar untuk membina satu resort, Tuan Pengerusi, untuk menarik pelancong-pelancong tetapi satu jenis pelancongan yang dapat mampu bayar yuran keahlian sebanyak \$1 juta dan kelab ini telah diwujudkan sebagai millionaires club (kelab jutawan).

Pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, oleh kerana negeri Sarawak adalah sebuah negeri yang sangat mundur, miskin dan walaupun

saya sedar bahawa Kerajaan tidak akan membuat apa peruntukan untuk menyumbangkan kepada kos pembinaan resort itu tetapi tanah Sarawak adalah harta milik yang sama, yang mestilah dinikmati oleh rakyat Sarawak terutamanya. Oleh kerana itu pembinaan satu kelab jutawan di dalam satu negeri yang sangat mundur adalah satu tindakan yang atrocious—yang tidak diinginkan. Kelab itu tidak dapat didaratkan melalui lebuh raya atau jalan-jalan tetapi helikopter mesti digunakan dan pada program itu pelancong akan menikmati acara yang "special" seperti safari dan lain-lain kemudahan yang "luxurious". Dan seperti yang saya telah dimaklumkan, siapa yang bertanggungjawab kepada projek ini—bukan Kerajaan Sarawak tetapi seorang individu yang terkenal yang terlibat di dalam kumpulan PROMET, Encik Brian Chang yang akan menyumbangkan semua kos pembinaan itu sebanyak \$50 juta dan beliau juga akan menjemput orang-orang atasan, pemimpin-pemimpin negara ASEAN untuk menjadi ahli-ahli kelab itu.

Saya sedar tidak ada apa kewangan awam akan diperuntukkan untuk tujuan ini, tetapi ini adalah satu idea yang tidak begitu selaras dengan falsafah demokrasi di negara kita di mana usaha dan perhatian yang penuh mestilah diberi kepada usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan di negeri Sarawak dan bukan untuk memberi peluang supaya jutawan-jutawan ini dapat menikmati keindahan Sarawak sahaja, itu bukan pelancongan, itu satu tindakan yang dapat disifatkan sebagai "the rape of the Sarawak beauty". Ini sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tenggarruh. Bolehkah Yang Berhormat mengambil masa agak dalam 7, 8 minit supaya saya boleh memberi peluang kepada Ahli Yang

Berhormat dari Kemaman juga berucap. Saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab pada pukul 6.00.

5.44 ptg.

Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh): Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya cuba, insya Allah.

Tuan Pengerusi, saya ingin membicarakan mengenai Maksud Bekalan 20 Butiran 7 beserta dengan Maksud Pembangunan 20, Butiran 2—Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia di mana perbadanan ini telah dapat memperlihatkan prestasinya sebagai ke arah menambahkan lagi pendapatan negara kita. Oleh hal yang demikian, kakitangan Perbadanan Pelancongan Malaysia ini perlu bertindak ataupun bekerja dengan lebih berkesan lagi bagi menarik lebih ramai lagi pelancong-pelancong untuk datang ke negara kita ini di samping membuka lebih banyak lagi kawasan-kawasan pelancongan di dalam negara kita.

Kakitangan Perbadanan Pelancongan Malaysia ini diharapkan akan bertindak dan bekerja lebih keras pada masa-masa yang akan datang bukan hanya setakat untuk menarik ramai pelancong dan membuka kawasan-kawasan pelancongan malah mempertahankan maruah negara kita, mempertahankan maruah masyarakat Malaysia ini secara amnya di arena antarabangsa. Kita tidak mahulah misalnya di Amerika Syarikat gambar-gambar laporan mengenai Malaysia masih terdapat lagi di pameran, kita tidak mahu pada pandangan masyarakat luar seperti di ekspo-ekspo perdagangan dan yang seumpamanya dipamerkan rakyat Malaysia ini masih lagi pakai cawat dan kita tidak mahu dipamerkan bahawa masyarakat Malaysia masih lagi tinggal di atas

pokok ataupun ran. Ini saya kira adalah sebahagian daripada tugas kakitangan Perbadanan Pelancongan Malaysia.

Tuan Pengerusi, di samping itu Perbadanan Pelancongan Malaysia ini adalah diharapkan bukan hanya setakat untuk membuka kawasan-kawasan pelancongan seperti di Langkawi dan di Tanjong Jara, Terengganu sahaja seperti yang dilaporkan di dalam Laporan Tahunan Perbadanan, malah perbadanan ini juga dikehendaki untuk mengenalkan negara ini kepada masyarakat antarabangsa bahawa Malaysia adalah sebuah negara pelancongan bahawa Malaysia mampu untuk memberikan selera kepada pelancong-pelancong yang datang ke negara kita ini.

Di samping itu juga perbadanan ini harus bertindak untuk menghindar dari berlakunya salah tanggapan masyarakat antarabangsa terhadap negara kita ini, di samping itu perbadanan ini hendaklah mempunyai keinginan, semangat dan kemahuan untuk mengenal pasti lebih banyak lagi kawasan-kawasan pelancongan yang berpotensi di dalam negara ini untuk dimajukan di dalam industri pelancongan.

Berkaitan dengan perkara ini, saya ingat lagi ucapan awal Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa melakukan lawatan rasmi ke Mersing baru-baru ini di antara ayat awalnya menyatakan bahawa Mersing tidak mampu untuk membangun di dalam bidang-bidang pertanian tetapi mampu untuk dibangunkan sebagai kawasan pelancongan. Ini takrif saya mengenai ucapan awal Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan saya kira ayat itu mempunyai erti yang besar untuk diambil perhatian untuk dipertitikberatkan oleh perbadanan ini untuk membantu masyarakat Mersing di dalam bidang pelancongan. Justeru itu saya mengharapkan agar

perbadanan ini mengalehkan pandangan daripada Langkawi dan Tanjong Jara ke arah Mersing pula untuk membangunkan Mersing sebagai salah satu kawasan pelancongan yang maju, moden dan berpotensi pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada Butiran 8, Maksud Bekalan 20 dan Maksud Pembangunan 20, Butiran 10—Perbadanan Kemajuan Filem Nasional ataupun FINAS. Pada masa ini FINAS saya dapat tahu daripada sumber-sumber yang layak dipercayai sedang pesat melaksanakan proses perundangan kecil ataupun peraturan mengenai perlesenan iaitu melesenkan industri video seperti, dengan izin, importer, duplicator dan distributor ataupun operator. Tiap-tiap bahagian ini sesiapa yang hendak berniaga dikehendaki mengambil lesen membayar lesen yang dikenakan oleh FINAS.

Bagi saya pelesenan ini baik dari sudut ianya dapat menambahkan pendapatan negara, baik dari sudut memberikan kawalan kepada pengusaha-pengusaha haram video, baik dari sudut mengawal kemasukan video-video haram ke negara ini kerana ketiga-tiga unsur ini mempunyai implikasi yang tidak sihat terhadap masyarakat, akhlak masyarakat di dalam negara kita terutamanya golongan muda-mudi yang gemar melihat pita-pita video ini.

Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa FINAS akan gagal di dalam usahanya untuk melesenkan kegiatan-kegiatan mengimport, mendupliket ataupun menjalankan operasi video itu jika sekiranya pegawai penguatkuasa FINAS tidak diwujudkan di dalam FINAS ini sendiri. Oleh yang demikian, untuk memastikan kejayaan usaha FINAS sebagai langkah untuk menambah pendapatan

negara, sebagai langkah untuk mengawal kemasukan pengusaha-pengusaha pita video haram, sebagai langkah untuk mengawal kemasukan video haram dan sebagainya, maka adalah diharapkan sangat kepada Kementerian ini supaya memberikan pertimbangan-pertimbangan wajar di atas cadangan saya, agar pegawai-pegawai penguatkuasa FINAS itu diwujudkan supaya pegawai-pegawai penguatkuasa itu boleh melaksanakan undang-undang yang terkandung di dalam peraturan-peraturan yang kelak akan ditetapkan. Untuk mematuhi arahan Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Bukan arahan, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Khadri bin Sabran: Saranan.

Tuan Pengerusi: Permintaan.

Tuan Khadri bin Sabran: Saranan. Sekian sahaja, dengan itu, saya menyokong Anggaran Belanjawan yang diperuntukkan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kemaman.

5.53 *ptg.*

Tuan Ismail bin Said (Kemaman): Tuan Pengerusi, menyentuh B. 20, muka surat 105, saya bercadang hendak berucap atas satu tajuk sahaja iaitu Butiran 2.3 Penyertaan Bumiputera.

Tuan Pengerusi, saya akan cuba meringkaskan ucapan saya dengan menggunakan statistik yang ada pada saya. Tuan Pengerusi, keperluan terhadap menggalakkan penyertaan bumiputera di dalam bidang perdagangan dan perindustrian adalah berdasarkan kepada Dasar Ekonomi Baru negara. Salah satu matlamat

yang telah ditetapkan bagi membentuk sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian di kalangan orang Melayu dan kaum-kaum bumiputera yang lain supaya dalam tempoh satu generasi, mereka akan memiliki dan mengusahakan sekurang-kurangnya 30% daripada kegiatan perdagangan dan perindustrian negara dalam semua jenis dan peringkat perusahaan menjelang tahun 1990 nanti. Di dalam konteks ekonomi negara kita yang berkembang.

Tuan Pengerusi, dalam tempoh 1975-1990, hak milik modal saham bagi orang Melayu perseorangan dan kepentingan orang Melayu dalam sektor syarikat-syarikat adalah dijangka akan bertambah dengan kadar kira-kira 25.8% setahun. Bagi mencapai matlamat 30% penyertaan bumiputera di dalam perdagangan dan perindustrian dalam tahun 1990, perkiraan telah dibuat bahawa orang Melayu perseorangan serta syarikat-syarikat kepentingan orang Melayu hendaklah memiliki $\frac{1}{3}$ daripada jumlah pertambahan modal saham di dalam tempoh tersebut ataupun sebanyak lebih dari \$23 billion daripada jumlah semua pertambahan modal sebanyak \$80 billion.

Orang Melayu perseorangan pula adalah dikehendaki, mengikut perkiraan memainkan peranan yang penting dalam usaha meninggikan lagi jumlah pelaburan yang diperlukan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan di mana hak milik saham orang Melayu perseorangan adalah dikehendaki bertambah dengan kadar 24.3% setahun dalam tempoh 1976-1990 ataupun sebanyak kira-kira 70 kali ganda dalam tahun 1990 berbanding dalam tahun 1976 dan berbanding dengan pertambahan 25 kali ganda sahaja jumlah pelaburan saham bukan bumiputera dalam tempoh yang sama.

Tuan Pengerusi, apa yang membimbangkan saya ialah bahawa prestasi individu bumiputera sehingga ini adalah masih lagi tidak memuaskan, sebagaimana yang saya tunjukkan melalui statistik tadi, di mana modal individu bumiputera dalam syarikat-syarikat berhad sebelum penubuhan Amanah Saham Nasional, baru sahaja berjumlah \$1.29 billion berbanding dengan matlamat \$6 billion dalam tempoh tahun 1990.

Prestasi permodalan bumiputera juga bukan sahaja menunjukkan matlamat masih jauh lagi untuk dicapai tetapi juga arah perkembangan tahunannya adalah tidak tetap dan turun naik, dengan izin, "erratic and fluctuating".

Tuan Pengerusi: kalau Ahli Yang Berhormat membuat penyelidikan sebegini teliti, mangapa tidak bangun lebih awal tadi?

Tuan Ismail bin Said: Saya ada di atas (Tower Block), Tuan Pengerusi, sembahyang Asar.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Tuan Ismail bin Said: Berbanding dengan arah pertumbuhan yang pesat yang dimatlamatkan, sebaliknya statistik ada menunjukkan bahawa arah perkembangan permodalan lain-lain rakyat negara kita Malaysia ini adalah meningkat secara berterusan dan secara dengan pesat dan ini meninggalkan jurang yang lebih nyata di antara kedudukan mereka dengan kedudukan bumiputera.

Tuan Pengerusi, dengan hal yang demikian, saya suka sarankan di sini supaya Kerajaan hendaklah terus memperhebatkan lagi usaha-usaha dan strategi untuk menambahkan permodalan bumiputera dengan menggalakkan dan membantu lagi bagi mewujudkan dan meningkatkan peluang-peluang pelaburan yang baru

dalam aktiviti ekonomi yang berkembang kepada bumiputera, terutamanya di dalam bidang yang lebih lukratif seperti perusahaan-perusahaan berat, petroleum, gas dan sebagainya. Bagi menggiat dan meningkatkan lagi penyertaan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian, mereka bukan sahaja perlu digalakkan menyertai pasaran saham dan perniagaan persendirian tetapi yang lebih penting lagi hendaklah digalakkan menyertai sebagai rakan usaha sama di dalam projek-projek agensi Kerajaan dan swasta bukan bumiputera supaya dengan itu mereka akan dapat mengatasi masalah mereka serta berkongsi sumber-sumber (resources), pengurusan, pemasaran dan sebagainya dan, Tuan Pengerusi, oleh kerana masa tidak mengizinkan

Tuan Pengerusi: Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh bertolak ansur dalam dua tiga minit kerana

Tuan Ismail bin Said: Satu minit sahaja, Tuan Pengerusi. Satu lagi strategi yang lain yang saya fikir perlu Kerajaan patut mengambil berat iaitu untuk mengesan dan mengembelingkan tenaga profesional dan pengurusan bumiputera yang sedia ada yang telah mendapat pengalaman yang cukup sebagai eksekutif di dalam sektor awam dan swasta untuk digalakkan dan membantu secara bersistematik untuk dijadikan intrepeneur bumiputera.

Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Pengerusi: Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjawab serta menggulung perbahasan peringkat jawatankuasa.

Yang Berhormat, sekiranya Yang Berhormat selesai menggulung pada pukul 6.28 minit, memberi masa kepada saya supaya dikemukakan masalah supaya diputuskan hari ini juga.

6.02 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya akan cuba untuk menjawab beberapa perkara-perkara yang telah dibangkitkan di dalam perbahasan pada petang ini mengikut jadual dan tempoh yang ditetapkan oleh Tuan Pengerusi, insya Allah.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengemukakan pandangan-pandangan, cadangan-cadangan serta perhatian dan teguran di atas fungsi-fungsi dan peranan yang dimainkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dalam hendak meningkatkan perkembangan perindustrian dan perdagangan di dalam negara kita sesuai dengan matlamat pembangunan negara.

Saya ingin memberi ulasan serta jawapan kepada beberapa perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertamanya, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Ulu Nerus yang telah pun mengemukakan dengan panjang lebar pandangan beliau berhubung dengan usaha-usaha yang patut dilaksanakan bagi meningkatkan perkembangan perindustrian di dalam negara kita, khasnya dari segi hendak menseimbangkan pengagihan dan pertaburan industri di dalam negara kita, tidak sahaja di kawasan-kawasan

yang telah pun maju dan membangun, tetapi juga di kawasan-kawasan yang dianggap mundur, terutama di kawasan Pantai Timur. Perhatian Ahli Yang Berhormat itu memang merupakan satu perkara yang sentiasa dititikberatkan oleh pihak Kerajaan dan kita rasakan walaupun usaha-usaha telah pun dilancarkan oleh pihak Kerajaan, khususnya Kementerian ini dari segi hendak menarik seberapa banyak pelabur-pelabur untuk datang melabur ke negara ini serta membina kilang-kilang di seluruh kawasan dalam negara kita, tetapi memang benar masih terdapat ketidak seimbangan dari segi pengagihan jumlah industri-industri di seluruh negara. Dan ini dirasakan benar umpamanya dari segi pembangunan di kawasan Pantai Timur.

Perkara ini mungkin tidak dapat dielakkan dalam konteks pembangunan yang ada sekarang ini, kerana kita rasakan walaupun banyak kemudahan-kemudahan infrastruktur telah pun disediakan oleh pihak Kerajaan, tetapi sebagaimana biasa pihak pelabur-pelabur masih memikirkan dari segi keuntungan dan kemudahan-kemudahan yang lain. Dan justeru itu, kemudahan-kemudahan yang lain yang terdapat di kawasan-kawasan yang telah maju masih lagi merupakan tarikan yang lebih besar daripada kemudahan dan galakan yang disediakan oleh pihak Kerajaan menerusi skim galakan bagi menarik mereka ke kawasan-kawasan yang kurang maju. Sebab itu kita telah pun mengambil perhatian yang serius sekarang ini, pertamanya bagi mengkaji semula skim galakan tempat kedudukan dan kajian ini sedang pun dilaksanakan, kemudian kita harap dapat diselesaikan dengan seberapa segera bersamaan dengan kajian-kajian mengenai skim galakan perindustrian yang sedang pun ditawarkan oleh pihak Kerajaan pada

pihak pelabur-pelabur di dalam dan luar negeri.

Cadangan Ahli Yang Berhormat sebagaimana yang disebutkan tadi merupakan cadangan-cadangan yang baik dan memang sedang di dalam perhatian pihak kita di dalam mengkaji semula kemudahan-kemudahan dan galakan-galakan yang sedang pun dibuat sekarang ini.

Faktor-faktor seperti "pay-roll allowance", ataupun potongan kos pengangkutan, kos bagi bekalan air, elektrik serta kos latihan, memang pun telah pun dikenal pasti dalam kajian yang kita sedang buat ini dan kita percaya perkara ini akan diambil kira dalam masa kita membentangkan cadangan baru bagi kajian mengenai skim galakan.

Demikian juga mengenai galakan bagi tempat kedudukan, ini sedang pun ditimbang dan mengambil kira beberapa faktor-faktor yang tertentu, khususnya dari segi paras kemiskinan ataupun kadar kemiskinan yang terdapat di kawasan-kawasan yang berkenaan, di samping faktor keluaran kasar perkilangan di kawasan berkenaan. Berdasarkan juga pada faktor-faktor yang lain, ini akan kita mengambil kira dalam kajian galakan tempat kedudukan yang sekarang ini sampai dalam peringkat yang terakhir. Saya yakin dan percaya bahawa walaupun masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi masih lagi berlaku, tetapi dari bukti-bukti yang dapat dilihat sekarang ini terdapat juga permohonan yang telah pun dikemukakan oleh pihak pelabur-pelabur untuk menempatkan kilang-kilang mereka di kawasan-kawasan yang pada dasar dan perbandingannya lebih maju di kawasan Pantai Timur seperti di Kuala Terengganu, di kawasan Kertih, Dungun, di Kota Bharu dan juga di Kuantan, Pahang. Dan apabila siap sahaja kajian berkenaan dengan skim galakan bagi

tempat kedudukan dan juga skim galakan perindustrian yang lain, kita berharap pihak pelabur-pelabur asing dan tempatan akan memberikan perhatian yang lebih serius untuk menempatkan kilang-kilang mereka di kawasan-kawasan yang belum maju seperti di kawasan di Pantai Timur.

Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat juga telah pun menyebutkan tentang masalah penguatkuasaan dari segi bahan-bahan utama yang diperlukan dalam projek-projek pembangunan seperti simen, besi dan sebagainya. Ahli Yang Berhormat telah pun menerangkan dengan terperinci beberapa faktor-faktor yang menyebabkan masalah itu berlaku. Saya ingin menegaskan, memang kita memberikan perhatian yang utama kepada soal penguatkuasaan undang-undang untuk memastikan bahawa barangan-barangan yang diperlukan di dalam pembinaan itu bukan sahaja dapat disampaikan kepada pihak kontraktor-kontraktor binaan dengan secara yang selengkap-lengkap yang boleh tetapi juga mengikut kadar bayaran dan harga yang tidak membebankan mereka.

Saya ingin menjelaskan sedikit, khususnya berhubung dengan industri simen, bahawa langkah Kerajaan untuk mengenakan sekatan tarif sebanyak 5% kepada simen yang diimport baru-baru ini ialah untuk melindungi industri tempatan kerana kita berpendapat bahawa industri tempatan adalah efficient dan mampu untuk mengeluarkan sejumlah keperluan industri binaan dari segi keperluan simen. Oleh sebab itu, sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi masalah-masalah yang berbangkit, saya percaya adalah lahir daripada tindakan awal yang dibuat oleh pihak Kerajaan dari segi mengenakan sekatan itu. Dan dengan sebab itu terdapat di tempat-tempat yang

tertentu tidak memperolehi bekalan yang mencukupi kerana tumpuan diberikan kepada kawasan-kawasan yang tidak mempunyai simen yang cukup. Dan dalam hal ini saya bersetujulah Pantai Timur merupakan satu kawasan yang terlibat. Namun begitu, kita memang mengambil langkah untuk memastikan bahawa bekalan simen sampai ke tempat yang diperlukan dalam masa yang ditetapkan. Kita telah pun menerima pengakuan daripada pihak pengeluar-pengeluar simen bahawa bekalan simen adalah mencukupi bagi keperluan negara. Masalah yang berbangkit ialah dari segi strategic reason, sebab-sebab strategik mengapa simen tidak diperolehi ataupun didapati di tempat-tempat tertentu apabila diperlukan walaupun simen keseluruhannya terdapat di dalam negara kita. Sebab itu kita telah pun menggesa pengeluar-pengeluar simen memastikan kapasiti yang lebih besar bagi menampung keperluan tempatan. Kedua, sekiranya kapasiti bagi membungkus simen di tempat-tempat tertentu tidak mencukupi maka langkah-langkah selanjutnya dari segi menyediakan kemudahan pengangkutan by road—atas jalan perlu disediakan oleh pihak pengeluar-pengeluar supaya simen akan sampai ke tempat yang diperlukan dalam masa yang ditentukan.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, kita juga membuat kajian dari semasa ke semasa berhubung dengan harga simen dan kos yang terlibat dari segi pengeluaran simen untuk memastikan bahawa simen tidak dijual terlalu tinggi, sehingga membebankan pihak pemaju-pemaju projek pembangunan dan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi berhubung dengan masalah kos pengangkutan, dan dengan sebab itu keadaan harga simen ataupun jualan simen tidak menguntungkan pihak pengedar.

Pihak kita akan membuat kajian lanjut tentang apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat supaya masalah ini tidak akan menjejaskan pembangunan di kawasan Pantai Timur.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar jua telah menyentuh tentang masalah TDC, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas perhatian yang telah pun diberikan oleh beliau supaya pihak kita meningkatkan lagi usaha-usaha bagi menggalakkan pelancongan di dalam negara kita. Kita memang menyedari bahawa usaha pelancongan dan usaha untuk menggalakkan lebih ramai pelancong datang ke negara kita adalah merupakan satu usaha yang paling penting dalam konteks imtil mengatasi masalah invisible—masalah kekurangan defisit di dalam dagangan tidak ketara yang sedang dihadapi oleh pihak negara. Walaupun sekarang ini kita sedar sektor pelancongan telah pun menyumbang lebih daripada \$1,000 juta dari segi pertukaran asing dan menduduki tempat yang ke 7 hasil pertukaran asing ke dalam negara kita, tetapi kita rasakan usaha-usaha yang lanjut perlu diambil untuk meningkatkan kedudukan itu dan menjadikan pelancongan sebagai salah satu daripada sektor yang terpenting, industri yang terpenting untuk memberi sumbangan kepada pertukaran asing kita. Sebab itu kita amat berterima kasih di atas pandangan Ahli Yang Berhormat supaya usaha untuk menggalakkan pelancongan itu diperhebatkan.

Saya rasakan bahawa selama ini memang kita telah menjalankan usaha itu, tetapi oleh sebab skop kewangan dan sebagainya maka usaha ini tidak dapat dijalankan sekehendak ataupun semahu kita.

Saya percaya oleh sebab tekanan telah pun diberikan oleh pihak Kerajaan kepada sektor pelancongan

dan perlunya ia menjadi salah satu daripada sektor industri terpenting dari segi pertukaran asing, maka kita berharap sumbangan yang lebih besar dari segi peruntukan akan kita perolehi untuk memberikan Perbadanan Pelancongan Malaysia lebih banyak lagi peluang bagi mengadakan usaha-usaha menggalakkan pelancongan dan pengiklanan dan sebagainya di dalam dan di luar negeri.

Saya memang bersetuju tentang apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa bayaran hotel di Malaysia masih lagi tinggi. Kita memberi tumpuan pada peringkat awal kepada pembinaan hotel-hotel dan pada peringkat awal tumpuan diberikan kepada hotel-hotel yang bertaraf tinggi dan tidak diberikan pula kepada hotel-hotel yang sederhana ataupun yang dianggap sebagai budget trade hotel. Tetapi oleh sebab perhatian diberikan kepada soal pelancongan di dalam dan di luar negeri, kita sekarang menggesa kepada pihak pengusaha-pengusaha, bukan sahaja menumpukan perhatian kepada mendirikan hotel-hotel yang tinggi dan mahal harganya, tetapi juga kepada hotel-hotel yang bertaraf sederhana dan budget trade yang mampu digunakan oleh pihak pelancong-pelancong sama ada dari dalam ataupun dari luar negeri.

Tuan Pengerusi: Bukan sahaja pelancong-pelancong Yang Berhormat, Ahli-ahli Parlimen pun perlukan hotel sederhana.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Pengerusi, mereka juga kita anggap pelancong di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi: Tidak mampu tinggal di hotel-hotel yang mahal-mahal, Yang Berhormat.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Cukai Perkhidmatan, ini saya fikir memang diambil kira oleh pihak Kerajaan dan kita akan membuat kajian dari masa ke semasa untuk memastikan bukan sahaja perkara ini tetapi hal-hal lain perlu dilihat supaya ia tidak membantut perkembangan industri hotel kita.

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta sabar.

Tuan Lee Lam Thye: Untuk penjelasan. Saya mengucapkan terima kasih kepada jawapan tadi yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tetapi di sini suka saya mendapat tahu daripada Kementerian yang berkenaan bahawa selain daripada menggalakkan pihak swasta untuk membina lebih banyak hotel-hotel kos sederhana, adakah Kementerian sedar bahawa salah satu sebab utama yang menyebabkan bilik hotel yang begitu tinggi ialah oleh kerana wujudnya masalah tentang kos elektrik, oleh kerana pada masa kini hotel ini dikehendaki membayar bil elektrik mengikut kadar perniagaan dan bukan kadar perindustrian. Adakah

Tuan Pengerusi: Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjelaskan, belum sampai lagi ke kos elektrik itu, ini kos pembinaan dahulu.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya memang sebenarnya belum sampai pada peringkat itu. Walaupun begitu, memanglah saya sebutkan tadi kita menyedari bahawa soal yang kita hadapi bukan sahaja kos bayaran kadar bilik begitu tinggi tetapi perkara-perkara lain seperti Cukai

Perkhidmatan dan sebagainya dan ini memang sedang pun dikaji oleh pihak Perbadanan dan perakuan-perakuan dikemukakan kepada pihak Kerajaan dari semasa ke semasa supaya faktor yang disebutkan tadi tidak menjadi penghalang kepada pembangunan.

Soal yang kedua yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi saya memang menyedari perkara itu dan pihak persatuan perhotelan telah mengemukakan cadangan kepada pihak Kerajaan.

Kita percaya pihak Kerajaan akan mengkaji perkara itu dengan secara yang serius dan sekiranya didapati adalah benar dan ini menyebabkan terbantutnya perkembangan industri pelancongan dalam negara kita, maka saya fikir sewajarnya tindakan akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk memastikan masalah ini tidak berlanjutan.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching yang telah pun menyebut tentang satu kelab yang disebut kelab orang-orang kaya—millionaires club, pertamanya saya rasa bahawa apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak ada kena-mengena dengan perbincangan pada hari ini dan saya percaya beliau hanya hendak mengambil kesempatan politik untuk menggunakan isu itu di dalam Majlis pada petang ini.

Kita rasa memang kita bukan sahaja hendak memberi galakan supaya TDC mengusahakan usaha penggalakan pelancongan, tetapi sektor swasta dalam konteks seperti di Sarawak dan di Sabah, kalau pihak-pihak orang kaya yang berada yang mempunyai kemampuan dan kesedaran untuk menyumbangkan tenaga dan wang ringgit mereka boleh membangunkan industri pelancongan dengan membina projek-projek pelancongan, kita

seharusnya memberikan sokongan, dan jangan seharusnya menggunakan ia sebagai satu isu politik dan menjadikan satu perkara seolah-olah yang tidak baik, padahal usaha hendak dibuat oleh pihak Kerajaan. Ini bercangah sekali dengan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar walaupun dalam parti yang sama mempunyai satu pandangan yang berlainan. Beliau menggalakkan pelancongan, tetapi ada pihak yang lain tidak suka pelancongan ini diberikan perhatian.

Saya rasa amat aneh sekali perkara ini berlaku di dalam satu parti DAP seperti saya sebutkan tadi. Soal ini juga disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh. Memang perhatian kita berikan kepada soal pelancongan dan satu usahasama yang giat sedang pun dijalankan di antara pihak Kerajaan Malaysia dengan pihak Kerajaan Singapura. Satu Jawatankuasa Bersama telah pun ditubuhkan dan pihak Kerajaan Negeri Johor sendiri telah memainkan peranan yang aktif supaya dapat menarik lebih banyak lagi pelancong daripada Singapura ke kawasan-kawasan lain di Johor. Dalam hal ini soal pembangunan pelancongan di Mersing adalah merupakan satu perkara yang memang diberikan perhatian yang utama.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Jerai telah pun menimbulkan tentang mengapa perlu dikenakan syarat supaya bumiputera yang hendak memasuki bidang perdagangan dan perindustrian itu diperlukan ada pengalaman. Syarat ini tidak diperketat diamalkan tetapi di dalam kes-kes tertentu di mana terdapat persaingan di kalangan bumiputera, maka sudah pasti bumiputera yang mempunyai pengalaman yang lebih akan diberikan keutamaan. Walaupun dalam hal-hal yang lain walaupun tidak ada pengalaman, memang biasa kita

berikan sokongan. Sebab itu saya fikir ini tidak menjadi satu perkara yang besar dan kalau ada kes-kes yang tertentu yang Ahli Yang Berhormat hadapi, bolehlah kemukakan kepada kita supaya dapat diberikan pertimbangan yang sewajarnya.

Soal kedua, Yang Berhormat dari Jerai juga menyentuh tentang perlunya diberikan peluang yang seluas-luasnya kepada bumiputera, terutamanya untuk melibatkan diri dalam perusahaan kecil dan mengenal pasti sektor-sektor tertentu dalam segi perusahaan kecil, ini sedang pun dijalankan oleh pihak kita. Kajian telah pun dibuat untuk mengenal pasti sektor-sektor ini dan ada kertas-kertas yang telah pun disiapkan, sama ada oleh pihak Kementerian ataupun Bank Pembangunan dan beberapa agensi Kerajaan yang lain, supaya pihak pengusaha-pengusaha dapat mengambil bahagian di dalam perusahaan kecil ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh juga menyebut tentang FINAS dan beliau memberikan satu perhatian yang serius kepada soal pelesenan. Saya mengucapkan terima kasih kerana kita berpendapat bahawa usaha pelesenan ini adalah perlu untuk mengawal perkembangan industri perfileman termasuk juga video dan supaya tidak ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan dengan tidak ada kawalan untuk membawa masuk anasir-anasir melalui filem-filem yang tidak selaras atau secocok dengan keperibadian kita.

Justeru itu, langkah-langkah tegas akan diambil oleh pihak FINAS sebagai badan penguatkuasa untuk memastikan supaya undang-undang yang telah pun diluluskan oleh pihak Parlimen itu akan dilaksanakan dan mereka yang melibatkan diri dalam industri perfileman iaitu video akan mematuhiya mengikut kehendak kita.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kemaman telah menyentuh tentang satu perkara yang pokok dari segi penyertaan bumiputera, iaitu tentang penglibatan bumiputera dari segi sektor permodalan dan pelaburan. Adalah amat penting sekali dalam waktu dan dekad sekarang ini sebelum kita mencapai tahun 1990 supaya masyarakat bumiputera khususnya dapat meningkatkan usaha dan kegiatan pelaburan serta permodalan mereka mengikut matlamat yang ditentukan oleh Dasar Ekonomi Baru.

Saya mengambil kira apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi yang mengatakan bahawa kita perlu melipatgandakan usaha yang begitu banyak supaya matlamat itu tercapai kerana mengikut yang disebutkan tadi, hanya untuk setakat ini \$1.6 billion dan ini mungkin termasuk agensi-agensi amanah yang telah pun ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mewakili kepentingan bumiputera. Sebab itu usaha sedang diambil oleh pihak Kerajaan, khususnya Kementerian saya, untuk menggalakkan terutamanya lebih banyak penglibatan masyarakat bumiputera dalam sektor perkilangan dan di samping itu berusaha menarik mereka untuk berusaha sama, secara joint venture dengan pengusaha-pengusaha luar dan dalam negeri di kalangan bukan bumiputera.

Kita telah pun mengambil langkah, umpamanya mengenal pasti sektor-sektor perkilangan yang kita anggap menguntungkan dan tawaran bagi pemilikan saham dari sektor-sektor perkilangan sedang pun ditawarkan oleh Kementerian. Kita telah pun menubuhkan Panel Penasihat Pelaburan supaya pengusaha-pengusaha bumiputera dapat mengambil peluang memiliki saham-saham dalam syarikat-syarikat yang memberi keuntungan. Tetapi di samping itu, usaha-usaha Kerajaan

semata-mata tidak mungkin akan menghasilkan matlamat yang kita sebutkan ini kerana soal meningkatkan kemampuan, milikan modal dan pelaburan adalah bergantung kepada usaha individu dan kumpulan masyarakat bumiputera sendiri. Kerajaan memberikan sokongan dan galakan. Oleh itu untuk memastikan usaha pelaburan dan permodalan ini berjaya, masyarakat bumiputera perlu berjimat cermat, mengumpul seberapa banyak modal kewangan yang dia ada, membuat simpanan, meningkatkan tabiat untuk menyimpan, supaya mereka dapat menggunakan simpanan itu bagi melaburkan dalam projek-projek yang mendatangkan keuntungan. Jadi sebab itu saya percaya usaha-usaha yang disebutkan ini akan dijalankan, insya Allah, pada masa-masa ke hadapan.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, beberapa cadangan-cadangan yang telah pun dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai dengan penglibatan masyarakat bumiputera dari segi pelaburan ini akan kita jalankan, akan kita lakukan dengan lebih gigih lagi. Kita telah pun mengadakan dan mengenal pasti beberapa projek-projek besar yang seharusnya dapat disertai oleh masyarakat bumiputera. Di peringkat awal mungkin usaha ini terpaksa dijalankan oleh Kerajaan, dalam segi penubuhan industri berat umpamanya industri HICOM dan juga syarikat kilang besi waja kerana peringkat awal tidak ada bumiputera yang mampu menyertai dalam kegiatan tersebut.

Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya digembeling tenaga eksekutif bumiputera di dalam negara kita untuk menjadi sebagai kelompok entrepreneur yang berjaya, adalah satu cadangan yang baik dan saya pasti inisiatif ini boleh dilakukan oleh beberapa pertubuhan-pertubuhan dan juga Dewan-dewan Perniagaan

Bumiputera serta Institut Usahawan Bumiputera untuk mengumpulkan kepakaran ini dan menjadikannya sebagai satu badan yang boleh digunakan untuk mengambil bahagian yang lebih aktif dalam bidang pelaburan dan juga perindustrian.

Tuan Pengerusi, saya percaya saya tidak dapat hendak mengulas satu persatu perkara-perkara yang lain yang telah pun disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas cadangan-cadangan konkrit dan positif yang telah pun dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam membahaskan peruntukan daripada Kementerian saya.

Saya percaya perhatian-perhatian yang berat itu menunjukkan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat kepada usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian dan walaupun ada kelemahan-kelemahan, kita akan cuba mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki masalah itu dan kita percaya kalau sokongan ini terus diberikan, insya Allah, rancangan pembangunan dari segi perdagangan dan perindustrian akan dapat dilaksanakan untuk masa-masa yang ke hadapan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$102,662,000 untuk Maksud B. 20 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian jadi

sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$102,662,000 untuk Maksud B. 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$20,600,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 20 dalam Anggaran Pembangunan, 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20,600,000 untuk Maksud P. 20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Mengambil sempena Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Kelapan esok, Dewan tidak akan bersidang pada esok hari. Dewan akan bersidang semula pada hari Jumaat, 16hb November, 1984 pada pukul 3.00 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.